TAHUN BARU
PENJAJAHAN BARU

OUT NOW



COOKIES ZINE # 1
RM3 + STAMP



MASKED READER ZINE # 6
RM2 + STAMP



INSTANT ZINE # 1
FREE + STAMP

CONTACT

PARID,
16, FELDA SEBERANG TAYOR,
24020, KEMAMAN,
TERENGGANU

SIAPKAN SENJATA KALIAN
SAATNYA KITA BERPESTA

DEAD MEMORIES

D.I.Y
FANZINE

DEC
2008



REPORT GIG
REVIEW
ARTIKEL
INTERVIEW

#1

DEAD MEMORIES # 1

DEAD MEMORIES

Playlist June 2008 – December 2008

Marjinal 'predator'
Slipknot 'all hope is gone'
Kuchalana The Input For An Output ep
Cbs2912
24caliber letter 'against culture'
Pendrive
Dua wajah – Tahanan Tanpa Bicara - Syed Husin Ali (pinjam dengan Ku-weng)
speaker sonic gear ego 3 yang pecah bass
the apocalypse of raw assault #1
raja singa – Pandora
demonification – hell metal
Black Wing of Vengeance – Genocide Supremacy

Sebarang surat menyurat, kritikan atau apa jua yang kamu semua sangsi boleh terus kontek alamat kat bawah ni. Kalu rajin nak pergi pejabat pos, boleh pos surat kepada aku. Tak pun e-mail je. Paling malas pun boleh sms aku. Sekian, arigato!





Mohd Kazziman bin Zulkefli
8, Lorong Ketapang 6,
Taman Desa Darul Iman 3,
Bukit kuang, 24000 Kemaman,
Terengganu, Malaysia.

kayukoka@yahoo.com
013-9175747

Dead Memories 40

HUMAN FIRST COLLECTIVE

PRESENTS
PEACE GIG AT LITTLE BALI, CHERATING
20 DECEMBER 2008



kemiskinan serta kenaikan harga barang pada tahun 1974, selepas ditahan hampir dua tahun di Kamunting, beliau dikurung secara berseorangan selama enam bulan ditempat yang tidak diketahui di Kuala Lumpur. Semasa itu, beliau disoal siasat dan dikenakan berbagai-bagai penyeksaan serta deraan. Beliau cuba dibabitkan dengan beberapa orang tokoh politik serta wartawan yang telah ditahan atas tuduhan terlibat dengan apa yang didakwa sebagai "konspirasi komunis" di Singapura dan Malaysia. Yang menarik perhatian ialah percubaan untuk membabitkan juga beberapa orang pemimpin kanan UMNO ketika itu, termasuk Dr. Mahathir. DUA WAJAH menarik kerana pengalaman peribadi dikaitkan dengan beberapa latar belakang sosial dan politik pada masa itu.

PENAMAT

Yaaaa.. sudah hampir ke penamat isu pertama Dead Memories ni. Sila lampirkan ke-tidak-puas-hatian kamu semua kepada aku sekiranya zine ini tidak seperti yang korang semua harapkan. Aku masih lagi dalam proses pembelajaran. Bagi la komen, teguran, caci maki atau apa saja. Akan aku terima untuk me-nambah-baik-kan Dead Memories ini. Mungkin komen-komen korang semua dapat membantu aku untuk meningkatkan kualiti penghasilan zine aku ni. Di sini ingin aku mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam segala hal. Ayie Bulat + Na, Aniq Masked Reader, Kuweng Cookies, Parid, Along Spek + Wani, Pali, Jamal, Human First Collective atas penganjuran Peace Gig yang power di Little Bali pada 20 Disember 2008 yang lalu. Terima kasih kepada Carburetor Dung, 24caliberletter, Apparatus, Rebel For X, The Lets Go, Demise OF Earl, Tayar Soton, Troublesome, Mediomad, Bard + didgeridoo, Enslaved Chaos, From Melaka With Love, Goodnite Goodies dan Angel Heart kerana sudi datang untuk menghiburkan scene Pantai Timur ni. First time aku dapat tengok Carburetor Dung perform live. Depan stage pulak tu. Haha.. Terima kasih juga kepada penjual-penjual zine yang sudi jualkan zine kepada aku. Zine-zine yang ada dalam koleksi aku ni aku jadikan penguat semangat untuk menjadi seperti mereka. Aniq + Masked Reader, Kuweng + Cookies, Fazri + DRSA, Din + Roots, Acyd + Ranjau Di Jalanan, Arip + Radical Review, Nizang + Mosh, Magi + Qaseh Sayunk, terima kasih aku ucapkan kepada kamu semua. Member-member aku di kolej dari 2005 hingga 2008, terima kasih juga aku ucapkan. I missed that time! Aku mohon maaf sekiranya nama kalian tidak aku senaraikan di sini. (dop dang nok mikir..). Moga ketemu lagi..



EDITORIAL

Assalamualaikum dan salam sejatera.

Hello friends and strangers.

Aku harap kamu semua dalam keadaan yang sejahtera. Maaf atas permulaan yang agak pelik. Sebenarnya aku tak tahu macam mana mahu memulakannya kerana aku bukan seorang yang pandai berkata-kata mahupun mengarang ayat. (reka sudoh...) Seandainya isu pertama ni tidak memuashatikan korang, aku mintak ampun banyak-banyak. No body perfect ok? Layout pun ala kadar je. Aku tidak mempunyai banyak ilmu tentang dunia hardcore punk ni sebab jiwa aku more to metal. (thrash metal peberet aku..) Namun begitu akan aku cuba untuk mendalami ilmu hardcore/punk sebaik mungkin. Lain la Aniq, ayam lama dalam hardcore punk ni.

Ok, konsep untuk zine ni aku tak tumpukan kepada sesuatu perkara sahaja. Biasanya zine yang dihasilkan lebih tertumpu kepada muzik atau penulisan peribadi. Aku tidak memilih untuk menghasilkan zine yang tertumpu kepada sesuatu perkara. Pada aku, aku nak sumbat semua yang boleh dan sesuai. Nak tulis pasal kehidupan seharian boleh, pasal muzik boleh, pasal politik boleh, pasal makanan pun boleh. Just anything. Puisi, sajak, lukisan, just anything. Sekiranya korang semua ingin menyumbangkan sesuatu, aku amat mengalu-alukan sumbangan korang semua. Akan aku terima dengan tangan yang terbuka, janji yang sesuai la. Yang tak sesuai aku delete terus, tak pun gumpal-gumpal dan aku buat slam dunk kat tong sampah. Ada paham?

Kenapa Dead Memories?

Idea untuk mendapatkan nama bagi zine aku ni amatlah memenatkan otak aku ni. Adoi.. kemain payah.. Dead Memories ni terkeluar dari mulut aku secara spontan semasa aku lepak minum petang di Kemaman Station Kopitiam. (tempat ni best..) Sebenarnya banyak nama-nama cadangan yang ingin aku letakkan pada zine aku ni. Kebanyakannya nama-nama yang mengarut la.

Untuk isu pertama ni aku tampilkan 2 interview iaitu dengan Aniq (editor Masked Reader dan corerockmomon records) dan 24caliberletter. Juga terdapat beberapa artikel yang aku tulis sendiri dan sumbangan rakan-rakan. Bahasa yang digunakan untuk Dead Memories ni both Melayu dan English.



Aku
1/3/09

Seterusnya macam biasa la yang terdapat pada zine-zine yang lain iaitu review bahan bacaan dan review audio. Sekiranya korang nak aku reviewkan bahan bacaan atau bahan dengaran, boleh la hantarkan ke alamat yang tertera. Untuk isu pertama ini juga aku menampilkan artikel pasal perintis irama berat, pelopor arena underground tempatan dan maharaja metal Malaysia iatu Rator. One more, tidak lupa juga report Peace Gig di Litte Bali, Cherating pada 20 Disember 2008 yang lalu.

Pendek saje bebelan aku untuk isu pertama ini. Ketandusan idea agaknya aku ni. Mungkin bebelan di isu akan datang akan lebih panjang bebelannya. Idea datang tidak kira masa dan tempat. Tengah buang air pun kadang-kadang boleh datang idea. (Aniq biasa dapat idea time buang air..:p) (mu tu berok dop basuh :) -aniq) Aku akan cuba untuk memuaskan hati para pembaca sekalian dengan meningkatkan kualiti penulisan aku yang agak skema macam karangan STPM ni. Dengan ini aku mempersembahkan DEAD MEMORIES.



ARTIKEL

Saat-saat manis yang mendukacitakan..

Janggal bukan kerana Aidilfitri tanpa ketupat atau Aidilfitri tanpa kuih tart tetapi terasa janggal bila berbuka puasa di akhir Ramadhan tanpa... hati aku tergerak untuk menulis apabila aku dapat rasa apa yang kurang pada 30 September 2008 yang lalu..

Sungguh mendukacitakan.. itulah perkataan yang terkeluar dari mulut aku ketika berbuka puasa pada sisa-sisa akhir Ramadhan iaitu 30 september 2008 sebelum menyambut Aidilfitri pada keesokan harinya. Bukannya bermaksud dukacita kerana makanan yang tidak sedap atau dukacita kerana baju raya yang aku tidak beli pun untuk aidilfitri kali ini tetapi kerana berlaku sesuatu yang janggal berlaku di dalam sedar atau tanpa anda semua sedari. Janggal bukan kerana Aidilfitri tanpa ketupat atau Aidilfitri tanpa kuih tart tetapi rasa janggal bila berbuka puasa di akhir ramadhan tanpa diiringi suara takbir dari kaca televisyen mahupun radio. Kenapa???

Mungkin sebilangan anda sendiri menganggap ia hanya perkara kecil atau bahasa seninya hanyalah picisan yang tak perlu dibesarkan. "ala.. kejap lagi ada la takbir tu... tunggu la lepas berita." Itu la

jangan kurang sudah. Terdapat beberapa sumbangan tulisan personal yang menarik untuk dibaca. Satu berkenaan penjawat awam yang gila kuasa barangkali dan 2 tulisan berkenaan cinta. Seperti zine-zine yang lain, terdapat beberapa interview band. Arah kiri, Rotozaza dan Rukkus (Rukkus ke mukus?). juga ada interview dengan editor Masked Reader. Wey, mana review audio??? cookieszine@gmail.com

QASEH.SAYUNK ISU 1 OGOS 2008



Nama zine dari Perlis ni mengingatkan aku kepada band cikgu Fazri iaitu Kasih Sayang. Sebutan yang sama cuma ejaan yang berlainan. Apa pun, aku respek dengan editor yang rajin untuk menghasilkan tulisan tangan dan bukannya dengan taipan komputer ataupun mesin taip. (ada lagi ke mesin taip..?) Tulisan tangan yang senang untuk dibaca. Kalau aku buat dengan tulisan tangan, sah takde yang boleh baca sebab tulisan bersambung yang entah hape-hape. (kadang-kadang aku pun tak paham..) memang leguh nak tulisan banyak-banyak. Karangan STPM pun tak larat dah. Banyak isu yang disentuh dengan serius untuk isu yang sulung ni. Di antaranya tentang kes buang anak, kebejatan hospital, sejarah dan perjuangan punk, baik budi Perdana Menteri, cara-cara tanam padi, biofuel dan banyak lagi. (nak tahu, baca sendiri..) seperti biasa terdapat sedikit review dan puisi. Nor Hasbullah, 763, Kampung Titi Tampang, 02450 Chuping, Perlis.

RADICAL REVIEW ISSUE 1



Zine ni aku beli direct dari tuan empunya zine iaitu Arep dari band Killing Steward. Sebuah zine yang secar totalnya dalam bahasa Inggeris dan Inggeris yang digunakan adalah simple. Permulaan cerita dengan bagaimana timbulnya minat untuk menghasilkan zine sendiri selepas membaca sebuah fanzine yang lain. Juga terdapat laporan tentang penahanan lebih dari seratus orang remaja yang dilaporkan terlibat dengan 'parti liar'. Banyak iklan-iklan menarik yang menghiasi ruangan zine ini. Juga terdapat artikel tentang seorang revolusioner dari Russia iaitu Peter Kropotkin. Juga terdapat temuramah bersama band The Garrison dan Tools of the Trade. Dapatkan Radical Review anda di alamat 28-6-10, Desa Tasik, Jalan 2/146, Sungai Besi, Kuala Lumpur.

DUA WAJAH



DUA WAJAH ialah catitan pengalaman Syed Husin yang ditahan hampir enam tahun di bawah Akta Keselamatan Negeri (ISA). Beliau ditahan berikutan demonstarasi pelajar yang menyokong petani-petani Baling dan membantah

korang, boleh la kontek Broken Noise c/o Azarudin Paiman, No 22, Jalan Impian Ria 14, Taman Impian Jaya, 81400 Senai, Johor.

BOLLOK WOK VOLUME 3 – CD KOMPILASI



Ini adalah cd yang aku beli dengan Aniq. Kenapa Bollk Wok? Muzik yang dimainkan dalam kompilasi ni terdiri dari pelbagai variasi. Indie rock, punk rock, screamo, metalcore sampai la ke death metal. Bercampur aduk atau bollok wok dalam loghat Ganu. Kompilasi kali ni dibuat dalam bentuk cd dengan slleve cd terpampang wajah Nizang, seorang individu yang sangat aktif dalam komuniti D.I.Y Terengganu. Seperti biasa Bollok Wok menampilkan band-band dari Terengganu cuma Brayok sahaja dari Ipoh. Track peberet aku ialah dari Brayok yang bertajuk berdiri di tepi sebelah kiri dan The obvious yang bertajuk how could i lile. Band-band yang lain juga seronok dilayan ketika pulang dari kerja atau lepas study. (aku sambil study layan sil khannaz..) satu kerjasama dari Bewok distro, anock mearun records, rohawk records, gegey, brainwash records dan nervous records.

ULASAN BUKU

BEBAL ZINE ISU 2



Azizi. Satu nama yang tidak asing lagi dari negeri Melaka negeri bersejarah dan juga di kalangan komuniti D.I.Y. Aku dapat Bebal 4 isu sekaligus dari Kuweng. Dia menjadi pemborong zine di Kemaman ni. Banyak zine-zine lain yang aku beli dari dia. Kita tinggalkan Kuweng yang kuat makan dan kembali pada Bebal Isu 2 ni. Isu 2 ini menampilkan isu yang boleh dikatakan totally pasal D.I.Y, apa itu D.I.Y, konteks sebenar D.I.Y dalam komuniti hardcore/punk. Bagi korang yang nak tahu apa itu D.I.Y, digalakkan membaca zine ini sambil-sambil makan keropok lekor Kuala Kemaman. Seperti biasa, sudut temuramah dengan band dari Sabah iaitu ARAH KIRI. Juga terdapat review filem pendek yang dibuat oleh Fahmi Reza iaitu 10 Tahun Sebelum Merdeka dan juga ulasan audio. Kontek azizi di alamat 686E, Jalan bahagia, Taman bahagia, Bukit baru, 75150 Melaka.

COOKIES ZINE RM3



Satu lagi zine yang masih panas di pasaran. Editornya bernama Kuweng. Aku dapat Cookies ni dari tuannya sendiri. Cover zine ni ada gambar seseorang pakai topeng gas. Aku tak tahu apa motifnya. Terdapat muka surat yang berulang. Aku tengah syok baca tetiba aku baca benda yang aku baru baca tadi. Rupanya terlebih letak. Takpe, jangan

yang mak aku kata dan mungkin juga sebilangan daripada anda. But for me, ia adalah perkara kecil yang perlu dipandang serius kerana bila bergemanya takbir raya selepas waktu berbuka puasa kita akan terasa bahang atau mood raya itu meresap ke dalam tubuh kita. Masa tu jugak la kita menghitung perkara-perkara yang belm diselesaikan sebelum syawal menjelma. Masa tu jugak la kita berfikir sudah tertunaikah zakat fitrah kita? Barang keperluan yang belum dibeli atau butang baju melayu yang perlu diganti. Tetapi lain pula dengan stesen televisyen di negara kita, cuba anda fikirkan, ada berapa banyak saluran televisyen, tiada satu pun ke'udara'kan takbir raya. Dari mana datangnya mood raya itu kalau drama bersiri Indonesia yang banyak menjurus kepada syirik dan khurafat ke udara di kaca televisyen atau siri kartun dan juga rancangan lain yang langsung tidak menggambarkan situasi yang kita akan menyambut Aidilfitri. Di manakah kita sekarang? Brazil? Jamaica? Mongolia? Uganda?

Mengapa mereka tidak menghormati sesuatu yang dianggap tradisi? Kenapa tahun yang lepas lepas sebelumnya boleh pula ke'udara'kan takbir raya? Apakah mereka lupa kerana terlalu memikirkan harga barang-barang keperluan yang semakin hari semakin meningkat harganya? Puasa terakhir itu adalah kemuncak di bulan Ramadhan dan kemuncak juga datangnya nikmat iaitu nikmat dalam merayakan hari kemenangan dari lapar, dahaga dan segala perbuatan. Perlukan kita meraikan hari kemenangan pada bulan yang mulia ini bersama cerita kartun atau drama bersiri Indonesia yang mengarut. Kita ada banyak saluran televisyen, takkan tiada satupun yang memberi laluan kepada takbir raya sebelum berita ke udara.

Sekitar jam 9.05 malam selepas berita, akhirnya takbir raya ke udara juga di kaca televisyen. Alhamdulillah...syukur, terasa juga mood nak raya dan sesuatu yang ditunggu tetapi masa ini mungkin kurang sesuai kerana makcik-makcik atau kakak-kakak sedang sibuk di dapur untuk esok hari kerana takut terlepas siaran drama raya yang sedih dan pilu, abang-abang pula keluar shopping dan adik-adik pula sibuk bermain bunga api di luar rumah. Stesen tv pula tidak sekata dalam menyiarkan takbir raya, ada yang siar pukul 9.00 malam dan ada yang siar lewat malam. Macam-macam la. Maka lagu-lagu evergreen la yang banyak memberi mood atau feel bila menjelang Aidilfitri. Jangan pula nanti marahkan kanak-kanak bila mereka lebih kenal lagu pagi yang gelap dari takbir raya. Mungkin anda merasakan pelik dan tak masuk dek akal fikiran yang masih waras tetapi ia hanya sekadar spekulasi, relevan atau tidak terserahlah sebab kita hanya mampu merancang, Allah yang

menentukan.

Mungkin ada yang menganggap aku terlalu emo dan mudah tersentuh padahal ia adalah perkara yang kecil yang tidak perlu diperbesarkan. Logik atau tidak terserahlah kepada yang membaca.. kalau nak ikutkan logiknya, logik ke filem Hong Kong menghiasi kaca televisyen ketika Aidilfitri? Logik ke filem mahupun konsert penyanyi barat menghiasi kaca televisyen ketika Aidilfitri? Bagaimana pula dengan filem Melayu bila Krismas atau Chinese New Year dan Deepavali? hoho.. no komen.. Sekadar meluahkan rasa kurang berpuas hati. Hari raya Aidlfitri adakah hari yang mulia oleh itu sama-samalah kita menghormatinya.

ARTIKEL

punk



In the mid-to-late 1970s a radical youth culture called punk emerged out of the larger rock 'n' roll scene, and developed its own music, attire, and ideology. The Sex Pistols are the best known of the punk bands; their music, like all punk rock, was aggressive, fast, and loud. Punk attire is characterized by dark clothes, outlandish costumes and ornamentation such as colored hair and earrings and bracelets made from assembled items (the quintessential punk earring was a safety pin). Punk ideology is explicitly at odds with mainstream society and rails against contemporary civilization, which is seen as sterile and banal. Punk is heavily critical of existing political, economic, and cultural institutions, yet is ambivalent about creating alternatives.



The earliest forms of punk rock developed in the United States. The Velvet Underground's minimalist music and commentaries about life outside mainstream society inspired a number of bands, but the first group to be considered a punk rock band was the Ramones. Formed in 1974, the Ramones gained a following around New York City by stripping rock down to its bare essentials and playing with near-anarchic energy. Their first album, *Ramones* (1976) featured a string of songs, shorter than two minutes, including "Blitzkrieg Bop" and "Now I Wanna Sniff Some Glue." The album became a minor hit in the U.S.

ULASAN AUDIO

24CALIBERLETTER



Huhu.. ni dah kira promosi 24caliberletter dah ni.. intebiu lagi, review demo lagi. Aku memang suka dengan demo Against Culture ni. 4 lagu semuanya. Aku dapat demo ni pun dari Along Spek. Dia tolong jual kepada member-member. Kamceng Along Spek dengan 24caliberletter ni. Kemasik dengan kerteh bukan jauh pun. Walaupun kualiti demo ni hanya di tahap yang memuaskan, tapi bagi aku ni la D.I.Y yang sebenarnya. Power punya D.I.Y. Lan kata demo ni rekod kat rumah dia je. Cuma drum yang direkod di studio kat Dungun. Paling aku suka dengan trek Against culture. Solo memang power walaupun pendek. Lagi syok bla tengok Lan menyolo time di peace gig 20 disember 2008 yang lalu. www.myspace.com/24caliberletter.

50k PROMISES – "2 HOURS AND STILL WAITING" CD EP



CD ni dah lama ada dengan aku. Aku dapat dari Aniq. 50K Promises memainkan irama garage pop yang santai, yaa mengimbau sesuatu yang retro mungkin. Merdu bermelodi dengan suara vokal yang enak dengan struktur muzik yang santai. Rata-rata ahli 50K Promises ini aktif bermain dengan beberapa band lain di Terengganu. Rata-rata lagu dalam Ep ini berkisarkan perihal kehidupan dan perhubungan secara santai. Maksud aku, tidaklah tepat ke arah cinta semata-mata. Kontek Izhan, Lot 19141, Taman Seri Batin, Jalan Lapangan Terbang, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Black Wing of Vengeance – Genocide Supremacy/Demo CD



Cd band ni aku beli dari Din Paiman. Aku dapat tahu pasal band ni pun bila aku baca Roots isu 9. aku terus sms Din Paiman menanyakan tentang ke-available-an cd ni. Din Paiman cakap ada lagi. Fuh.. nasib.. aku terus tempah satu tanpa ragu-ragu. Pembelian cd ni disertakan dengan sekeping sticker band ni. Bila aku dapat cd ni aku ingatkan band ni main black metal, (aku suka black metal..) dengan tengkorak, salib terbaliknya sama seperti band-band black metal yang lain tapi sikit sangat metalnya. Crust, grind dan sedikit d-beat memonopoli . Walaupun aku masih baru dengan crust, grind dan d-beat, lagu-lagu band ni cukup untuk mem-banging-kan kepala aku yang sudah tepu dengan segala jenis metal. Riffing gitar yang berat, vokal growl yang mantap dan drum bass yang sangat padu. Kepada sesiapa yang berkenan nak jadikan Black Wing of Vengeance ni sebagai makanan telinga

Dead Memories 37





Lepas settle makan, aku bergerak ke Little bali semula sebab nak bagi kunci chalet sebab Along Spek cakap chalet kena kosong jam 6.30 petang. Patutnnya tengah hari tadi dah kena check out tapi sebab komrad-komrad semua check-in lewat, jadi check-outnya lewat la jugak. Tu pun lepas negotiate dengan pihak pengurusan chalet. Dah nak sampai kat Little Bali, aku tengok geng-geng Angel Heart dah habis perform. Tak payah tengok pun takpe. Tiap-tiap malam Rabu, Khamis, Jumaat dan Sabtu Angel Heart perform dari jam 10p.m onwards. Angel Heart main 80s rock dan early 90s rock.

akan ada parti untuk surfer-surfer yang bertanding di surfing competition yang bertempat di Pantai Cherating anjuran Billabong. Lepas settle semua kerja, komrad-komrad bersemuka dengan big boss Little Bali iaitu DJ Shah untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana sudi bagi HFC mengadakan gig di tempat beliau. DJ Shah sangat berpuashati dengan perjalanan gig sekaligus dapat promote Little Bali kepada pengunjung gig. No damage at all. Ini adalah hasil kerja secara kolektif. Inilah tujuan kolektif diadakan. Kerjasama untuk mencapai sesuatu matlamat. Until next time, see ya...

22 December 2008

Secara rasminya Peace Gig tamat jam 6.30 petang dan tidak lewat sampai ke malam hari seperti yang dijangkakan oleh komrad-komrad HFC. Sesi kemas mengemas berlaku dengan secepat yang mungkin sebab malam tersebut



Dead Memories 6



The Sex Pistols, led by singer Johnny Rotten (formerly John Lydon) and bassist Sid Vicious and managed by Malcolm McLaren, took the music scene by storm when they began playing in 1976, singing about anarchy, abortion, and fascism in some of the most violent live shows and recordings ever heard. The band alienated several recording labels and frightened the establishment, but they also encouraged the rapid growth of the punk scene in England and sparked the creation of such bands as the Clash, the Damned, the Buzzcocks, and others.

Punk made a very visible, shocking, public display. However, with the drug-related death of Sex Pistols' bass player Sid Vicious in 1979 and the demise of several punk bands, some proclaimed that punk was a short-lived fad that had come to an end. The rumors of punk's death were unfounded, and many bands set about to defend the true meaning of punk and extend its musical influence. The most direct development from early punk is the hardcore punk movement that developed during the 1980s, foremost in the United States, but also in England, France, Italy, and other countries, with bands like the Dead Kennedys, Social Distortion, the Misfits, and Upright Citizens. Since the 1980s there have been any number of bands that have echoed the influence of punk, including Hüsker Dü, the Replacements, Soul Asylum, Green Day, Sonic Youth, and the Minutemen, among others. Though the era of punk rock is generally considered to be the years between 1975 and 1980, the punk ethos lives on.

Musically, rock 'n' roll provided an important foundation for punk, as youths who came of age in the 1970s and 1980s were well acquainted with rock bands like the Beatles, the Rolling Stones, and Led Zeppelin. Many punk bands learned music by playing other people's songs and it was commonplace among young punks, and even well-known bands, to release cover songs. The Dickies, for example, played fast but melodic versions of Led Zeppelin's "Communication Breakdown" and the Moody Blues' "Nights in White Satin." Bands often performed cover versions of older songs that had historical significance or that made a particularly salient political point. Generation X, for example, performed a cover version of John Lennon's "Gimme Some Truth." While cover songs often





signaled respect for past music, cover songs could also represent an ironiccomment on or critique of rock and roll. Although cover songs were common, punk ideology derided cover bands that did not play original songs for a lack of creativity.

Despite the powerful influence of rock, punk music differs significantly from its predecessor. Punk songs are generally short, fast, and loud, and place increased emphasis on distorted guitars. Many punk bands use "power" or bar chords, and speed is often emphasized over intricacy. The musical skills of punk musicians are often rudimentary and this lack of virtuosity is connected to an ideology that anyone can write and play songs. Fairly simple songs with basic four-four drum beats are common and many punk bands form with friends picking up instruments and learning as they play.

Punk's minimalist three-chord approach and shouted vocals stand in clear opposition to the melodic singing of earlier styles. Punk music developed "scenes" centered on bands, clubs, and fans in a particular area, such as Manchester and London, England. The Damned, Stiff Little Fingers, the Jam, and Sham 69 were particularly influential, as were the Gang of Four, the Mekons, and the Delta 5 from Leeds, England. In the United States, the Los Angeles, California, scene produced such bands as Black Flag, Fear, the Germs, X, and the Circle Jerks. Two documentaries—*The Decline of Western Civilization* (1981) and *Another State of Mind* (1984)—document the lives of various L.A. punk bands both on stage and off. The Dead Kennedys (San Francisco), the Teen Idols, State of Alert (S.O.A.), and the Bad Brains (all Washington, D.C.), and Hüsker Dü (Minneapolis) were all especially important early punk bands.

Punk was always about more than music, however. For both fans and musicians punk amounted to a kind of lifestyle. From the beginning, punk haircuts and clothing stood in stark contrast to the appearance of rock 'n' rollers.....

97-SHIKI



pun dah nak mosh. Aiyaaaa.. 5 lagu yang dimainkan. Pertama, macam celaka. Tajuk ganas semacam. Alak mula tunjukkan belang sebagai vokalis Carburetor Dung. Dalam banyak-banyak band punk rock, kalau diberi pilihan untuk tengok live, aku pilih band ni. Enough said. Lagu kedua, Joe berseloroh, banyok dok hantu sining? Crowd macam tak tahu apa yang dimaksudkan Joe. Joe explain yang kat Putrajaya banyak hantu. Baru la crowd dapat tangkap apa yang Joe cakap. Then, mosh semakin berleluasa. Pejo dengan Acik kawal keadaan depan stage.Lagu ketiga ni lagu kontroversi kata Joe. Mari nyanyi menjilat. Haha. Lagu yang sedikit kontroversi semasa Carburetor Dung perform di satu rapat awam dalam tahun 2008.Semua menunggu lagu seterusnya untuk dimainkan. Joe memberitahu kepada crowd yang kawan baik Carburetor Dung iaitu Syukree telah meninggal dunia 3hari sebelum gig ini di adakan. Juga arwah Lang Kuchalana yang meninggal dalam pertengahan tahun 2008. Boo Hoo Clapping Song adalah tribute untuk kedua-dua good person ni. Bukan mosh je kali ni, body surfing ada jugak kali ni. Mamat skinhead ni biasa aku tengok sekitar bandar Chukai. Hampir 6minit carburetor Dung perform untuk lagu tribute ni. Memang puashati. Last song aku tak berapa cam tajuk dia, oppresion ke apa tah. Keseluruhannya, setlist Carburetor Dung memang power.

3 band terakhir merupakan kenalan kepada Dj Shah iaitu selaku big boss Little bali. Band Troublesome dari Kuantan. Time Troublesome main, aku balik ke chalet sebab nak mandi. Satu badan dah melekit. Tak tahan aku dengan badan melekit. Wahaha. Lega rasanya dapat mandi. Next band ialah Tayar Soton. Ayie kata ni peluang yang bagus untuk tengok Tayar Soton perform sebab dah lama tayar Soton tak perform. Satu-satunya band yang memainkan muzik lembut iaitu muzik surf. Ala-ala Kombat gitu.

Lepas mandi, Pali ajak aku pergi makan. Yaaa makan lagi. 3kali dah masuk kali ni. Aku memang kuat makan. Hajat nak makan roti canai boleh 5 keping, tapi dah habis daa.. pergi kedai sebelah, order nasi goreng dengan teh o ais limau.

dalam internet je. Lama jugak Bard dengan rakan dia main didgeridoo. Ada dalam 10minit mengikut perkiraan aku.crowd semua rapat ke depan stage. Ayie pun boleh main didgeridoo tapi dia kata dia tak se-expert Bard..Macam-macam bunyi yang keluar dari kayu didgeridoo tu. Kuweng cakap macam bunyi reggae pun ada sikit-sikit.

Dah penat layan muzik yang bising-bising, Apis mengumumkan gig akan direhatkan selama 15minit dan akan disambung oleh Enslaved Chaos. Minuman ada dijual di bar kat tepi ruang legar depan stage. Makanan juga ada dijual oleh pihak Little Bali.



Band otai pertama untuk gig kali ni. Enslaved Chaos. Yang aku tahu Bard je on vocal. Yang lain, maaf la eh.. aku tak berapa kenal. Time Enslaved Chaos main pun aku tak tengok. Ambik angin kat luar bercampur dengan badan yang dah mula penat sebab tido 2jam je semalam. Tu la padahnya bergelak sampai jam 5pagi. Suara Bard yang power tu boleh dengar clear dalam muzik yang bising tu. Nak kata growl bukan growl, aku pun tak tahu nak kata macam mana. Memang power.

Band otai kedua. Bertiga sahaja mereka. 3 piece band. Along on giutar, Mat yuh on drum dan Tompa on bassist. Apparatus nama diberi. Datang untuk perform atas jemputan Ayie. Aku tengok Appatus perform dari belakang crowd sekali dengan Ayie dan Na. Along dengan gitar putih krim ala-ala fender Strat Yngwie tapi aku tak pasti dari brand apa. Brand makes the sound. Lain brand lain sound. Crowd makin lama makin rapat ke depan stage. Tak macam masa awal-awal tadi. Crowd layan muzik sambil duduk minum air.

Masa yang ditunggu telah tiba. Kiranya crowd yang datang pada gig ni untuk lihat CARBURETOR DUNG perform. Ayie yang mintak Joe Kidd datang untuk perform.seperti band-band yang lain, mulanya Carburetor Dung tak confirm nak perform ke tak. Hasilnya? Carburetor Dung di Little Bali. Aku cepat-cepat ambil posisi yang paling best aku kira. Depan stage, belakang Joe Kidd. Kat tepi aku, Zemang Kuchalana. Crowd? Jangan cakap la, pack gila kat depan stage. Lagu belum start pun

ARTIKEL

KAEDAH PSIKOLOGI DAN KAUNSELING DALAM KELUARGA

Keluarga dianggotai oleh bebererapa unit yang berinteraksi antara satu sama lain. Setiap unit ini mempunyai beberapa keunikan masing-masing. Unit-unit ini perlu bersatu padu untuk melahirkan satu gabungan keluarga yang sihat, kuat dan produktif. Kebahagiaan ini tidak akan dapat dicapai sekiranya kita tidak berusaha. Terdapat beberapa elemen penting yang dapat membantu mewujudkan sinergi yang diperlukan dalam keluarga. Elemen-elemen yang terdapat dalam psikologi dan kaunseling ialah:



> Menerima ahli keluarga tanpa syarat. Rasa terpencil, tidak disayangi, berpuak-puak, dipulau sering menjadi masalah dalam keluarga. Kita perlu menerima seluruhnya dari hati dan perlakuan. Rasa dikasihi akan menimbulkan rasa selamat dan boleh menjadi sinergi kepada kesejahteraan. Rasa diterima harus dikomunikasikan dengan baik agar tidak berlaku salah tafsir.

> Kesabaran mendengar. Kesabaran mendengar bukan sahaja menghadirkan diri secara fizikal untuk membolehkan anggota keluarga menyatakan fikiran dan perasaan serta pengalaman mereka, tetapi memberikan masa yang cukup tanpa dipotong, dibantah atau diserang, agar ahli keluarga dapat merasakan perhatian yang cukup diberikan kepadanya. Kini penyakit 'attention deficiency syndrome' yang mendapat perhatian di barat kian menular ke dalam masyarakat kita. Penyakit ini terhasil dari ketidaksabaran anggota keluarga untuk memberikan masa dan mendengar masalah ahli yang lain. Oleh itu, kesabaran mendengar merupakan elemen yang penting dalam keluarga bahagia.

> Memahami. Walaupun ahli keluarga mempunyai pemikiran, perasaan, pegangan dan kepercayaannya sendiri yang dikumpulnya melalui pengalaman, namun memahami merupakan satu usaha yang agak sukar. Oleh itu, kita harus berusaha untuk memahami dan memasuki ruang rujuk agar dapat mewujudkan hubungan yang jelas dan lasngsung antara ahli. Kehadiran orang ketiga hanya akan menyulitkan proses pemahaman.

> Tidak menghukum (labelling) dengan mudah. Memberikan penilaian dan melabel terlalu awal akan menimbulkan rasa tidak senang dikalanganahli keluarga. Penilaian merupakan tembok psikologi yang dibina yang menghalang belakunya komunikasi yang berkesan. Menilai dan menghukum mengurangkan sinergi dalam keluarga dan melambatkan pertumbuhan ahli keluarga. Oleh yang demikian, dengan menangguhkan penilaian mungkain dapat memahami dengan baik antara ahli keluarga.

> Jujur. Sekiranya kita jujur dalam menyatakan pandangan, perasaan dan pendapat serta selaras dengan tingkahlaku yang ditunjukkan akan memudahkan berlakunya perkembangan interaksi dalam keluarga. Ketidakjujuran dalam hubungan keluarga akan menimbulkan kecelaruan kerana kesukaran membaca dan memahami tingkahlaku dan makna. Kekeliruan ini akan menimbulkan konflik dan ketegangan dalam hubungan kekeluargaan.

Namun begitu, kualiti yang dinyatakan perlu dipraktikkan agar dapat difahami dan dirasai oleh ahli keluarga. Kebolehan ahli keluarga melahirkan kualiti tersebut menentukan tahap keberkesanan dan tenaga yang dibentuk dalam keluarga. Ini lebih merupakan kemahiran. Kesediaan untuk mempelajari akan memudahkan kemahiran ini dikuasai dan dipraktikkan. Matlamat utama ialah mewujudkan komunikasi terbuka dan berterusan (continuous open communication) yang dapat menjadi jambatan dalam hubungan kekeluargaan.

Adalah tidak benar jika dikatakan segala kemahiran ini akan datang dengan sendiri mengikut perkembangan umur. Umur tidak menentukan dan menjanjikan kematangan dan kemahiran yang dimiliki, sebaliknya pengalaman yang dilalui akan membantu kepada perkembangan diri. Namun begitu, terdapat juga pengalaman yang menghalang perkembangan diri. Pengalaman ini haruslah dijadikan iktibar.

Kita tidak boleh terlalu banyak menyandarkan kehidupan kepada andaian sahaja. Hal ini kerana andaian selalunya berasaskan kepada individu yang membuatnya dan seringkali pengalaman berbeza dan andaian juga berbeza. Dengan itu, ilmu psikologi dan kaunseling dapat membantu dalam memberikan panduan dan kaedah yang mungkin dapat membantu kita dalam menguruskan keluarga agar keluarga dapat menjadi ruanag didik yang subur bagi setiap ahli keluarga.



Bukannya apa, takut rosak bar dj Shah yang ada kat tepi ruang legar depan stage. Bar yang dibuat dari kayu. Paham-paham je la. Dari mula sampai akhir crowd sing along lagu ni. Dengan aku sekali nyanyi sama. Next song juga lagu cover dari Marjinal iaitu marsinah. Lagu yang turut buat crowd sing along sekali dengan mosh kecil. Sempat dikawal oleh Pejo dan Along acik bagi elakkan keadaan jadi lagi teruk. Lagi satu lagu cover dari Ramones yang aku tak tahu tajuk dengan satu lagu dari The Let's Go sendiri. 4 lagu semuanya yang dimainkan. Awang kata dia pakai main je sebab tak buat preparation kata dia.

Next band merupakan kenalan HFC sendiri iaitu The Goodnite Goodies. Os pernah join HFC untuk trip ke Penarik dalam Bulan Ogos yang lalu. Pada asalnya Os tak dapat beri jawapan sama ada nak perform ke tak sebab wife dia tengah sarat mengandung. Kalau tak silap aku, wife dia bersalin sehari sebelum Hari Raya Haji pada bulan Disember 2008 dan dapat baby girl. Tahniah Os! Kali ni The Goodnite Goodies menampilkan vokalis undangan wanita. Macam familiar je aku tengok perempuan ni. Lagu yang aku tahu The Goodnite Goodies main lagu yang second last, khatulistiwa dengan yang last, fictitous. Lagu khatulistiwa tu lagu cover dari siapa aku tak inat dah tapi dah nak habis lagu baru aku dapat sing along.

Antara band yang aku nak tengok sangat untuk gig pertama Human First Collective ni. 24caliberletter. Boleh kata dah jadi band komrad HFC dah diorang ni. Selalu sangat dah lepak sekali. Lan on lead guitar, Sebi on rhythm giutar, Apis on bass and Miro on drum. Lagu first ialah cover dari Saosin, aku tak tahu tajuk apa lagu tu. 2 lagu lepas tu ialah lagu mereka sendiri iaitu this time dengan against culture. Daod kata against culture ni bukan against yang baik tapi against yang buruk. Solo dari Lan masih terngiang-ngiang dalam otak aku sampai report ni ditulis. Last song, juga cover dari Marjinal. Lagu ni atas permintaan dari Ayie yang nak tengok diorang perform negri ngeri. Macam yang aku cakap awal-awal tadi, Daod tak ingat lirik. Rangkap pertama je dia nyanyi, then mic dia beri kat crowd. Semua sing along termasuk aku yang sambil-sambil nyanyi ambil gambar.

Next, it's time for Australian native music. Apa yang aku maksudkan ni? D-I-D-G-E-R-I-D-O-O. Bard selaku vokalis Enslaved Chaos akan bermain didgeridoonya. Bard ke depan stage bersama 2 lagi rakan. Apis selaku mc kata tadi persembahan solo Bard tapi kenapa pulak ada lagi 2 orang? Bard explain sebelum buat persembahan. Pada mulanya Ayie jemput Bard untuk perform Didgridoo solo, tapi Bard bawak 2 lagi rakan. Aku rasa kawan StreetHorn Syndicate Bard kot. First time aku tengok orang main didgeridoo live. Biasanya tengok

Next, Rebel for X dari Kuala Terengganu Punk Rock City. Band ni Aniq yang invite. Sampai kat Cherating pun lewat jugak. Dalam 11pagi gitu la. Band ni pada asalnya tak konfirm nak perform ke tak sebab Kuden si gitarist tengah exam. Student lagi Kuden ni. Kuden ni aku kenal masa ikut trip HFC ke Penarik dalam bulan Ogos 2008. baru 4bulan kenal tapi dah macam 4tahun kenal. Nasib menyebelahi HFC bila Kuden habis exam dan terus beri jawapan untuk perform di gig. Kuden tetap setia dengan gitar Falcon ala-ala gitar Slash Guns n Roses. Muzik yang tak begitu berat bagi aku. Punk rock campur grunge yang ringan. Wari sempat menjerit pada aku dalam kebisingan muzik, dia kata boleh tahan muzik Rebel for X ni. Rebel for X mainkan semua lagu sendiri. Tiada lagu cover.



Demise of Earl dari Dungun. Aku tak tengok band ni perform sebab aku keluar kejap sebab nak redakan telinga aku yang dah perit dek muzik yang loud. Huhu. Sambil tu aku tengok-tengok stuff yang ada dijual kat pintu masuk gig. Bukan tengok saje, aku beli jugak. T-shirt, kaset, cd, button, sticker dan zine antara stuff yang dijual. Aku rembat t-shirt Carburetor Dung sehelai yang ada design macam celaka/ hantu putrajaya. Design yang simple dengan mesej yang power. Lagi aku beli ep Kuchalana dengan cd Carburetor Dung. Aku beli cd sebab aku tiada pemain kaset. Semua yang ada dalam rumah aku ni rosak akibat tangan durjana aku. Demise of Earl habis perform jam 1.15tengah hari.

Apis 24caliberletter take over tugas mc dengan mengumumkan gig berehat selama 15minit sehingga jam 1.30petang. Rehat selama 15minit digunakan oleh band yang akan perform lepas ni untuk buat soundcheck ringkas.

Band projek Awang Dully Dog iaitu The Let's Go untuk persembahan yang seterusnya. Gig jadi lebih panas dengan lagu yang dimainkan oleh band ni iatu negri ngeri dari Marjinal. Sebahagian crowd mula mosh bila Awang jerit JUMP!!!

Chromosomal Basis of Down syndrome

In 1959 French geneticist Jerome Lejeune recognized that individuals with Down syndrome have forty-seven chromosomes instead of the usual forty-six. Later, it was determined that it is an extra copy of chromosome 21 that causes the condition. It is not yet clear how the extra chromosome causes the clinical features, although it is believed that an "extra dose" of one or more of the genes on the chromosome is responsible.

There are three types of Down syndrome: trisomy 21, mosaic Down syndrome and translocation Down syndrome. In 94 percent of cases, the extra copy of chromosome 21 stands alone (is not attached to any other chromosomes) and is present in every cell of the body. This is called trisomy 21, trisomy meaning three.

Trisomy 21 occurs due to a chromosome packaging error. Usually when the body makes its sex cells (egg or sperm cells) during **meiosis**, it packages up one chromosome from each pair. However, sometimes an error (nondisjunction) occurs, causing both chromosomes from a pair to get packaged together. If the sex cell with the extra chromosome is fertilized by a sex cell with the usual chromosome number, the resulting embryo will have a trisomy. If the extra chromosome is chromosome 21, the embryo will have Down syndrome. About 75 percent of embryos with trisomy 21 abort spontaneously before birth. Nondisjunction occurs by chance in the making of both egg and sperm cells, but it happens more often in egg cells as women get older. Thus, the chance of having a baby with Down syndrome increases with increasing maternal age.

Translocation Down syndrome, which accounts for 3 percent to 4 percent of cases, occurs when the extra copy of chromosome 21 is attached to another chromosome. In about one-fourth of the cases where a person has translocation Down syndrome, he or she inherited the translocation from a parent. Therefore it is important to test the parents' chromosomes in these cases, for purposes of future family planning.

The third type of Down syndrome is the mosaic type, which occurs in 2 percent to 3 percent of cases. In mosaic Down syndrome, a person has some cells with an extra copy of chromosome 21 and some cells with the usual two copies. People with mosaic Down syndrome may or may not have milder symptoms than people with "full" trisomy 21.



Sesi soundcheck oleh 24caliberletter dijalankan setelah ketibaan drummer mereka iaitu Miro. Antara drummer paling tight untuk gig ni. Soundcheck paling lama untuk gig ni. Dibedalnya sejam untuk soundcheck saje. Lagu Marjinal yang akan dicover oleh24caliberletter dimainkan untuk sesi souncheck. Aku sempat tolong nyanyi untuk Daod. Dia kata dia tak ingat lirik. Hehe. Perit tekak aku nyanyi negeri ngeri time soundcheck. Along spek suruh aku mesej ke band Mediomad untuk tanya diorang ada kat mana dah, lepas aku habis melalak negri ngeri. Mediomad lewat sejam dari waktu yang sebenarnya. Mediomad patutnya jadi band yang kedua perform lepas Bard dengan didgeridoo dia. Tapi Ayie bagitau Bard sampai dalam tengahari sikit. Mang Kuchalana sampai dari Kuala Lumpur



dalam jam10pagi sekali dengan Abedoo dan tunangnya barangkali. Mang datang atas undangan Ayie untuk memasarkan t-shirt d.i.y buatan beliau. Ayie kata, Mang ni godfather d.i.y t-shirt dalam Malaysia ni. T-shirt carburetor Dung yang aku beli, dia la yang buat.

Mediomad sampai kat Little Bali dalam 11.30 gitu la kalau tak silap aku. Diorang pergi isi perot yang kelaparan dulu. Mungkin tak sarapan dulu sebelum datang ke Cherating ni kot. Sampai je terus buat souncheck. Aku dengar dari luar je. Lan 24caliberletter cakap lepas Mediomad habis buat souncheck, giliran Apparatus pulak buat soundcheck. Perut aku berbunyi buat kali kedua. Haha. Aku ke kanopi di tepi sungai untuk cari nasi lemak buat kali kedua. Banyak lagi nasi lemak. Pekena round kedua.

The show started with Mediomad from Kuantan right at 12afternoon. Lan 24caliberletter selaku mc gig kali ni mempersilakan Mediomad ke depan stage Mediomad dijemput oleh 24caliberletter. Mediomad main hardcore dengan sedikit unsur ska.Gitaris dengan bassist kecik-kecik je orangnya. Drummer je nampak besar sikit. Dalam lagu first yang mediomad perform, tengah2 muzik laju masuk pulak unsur ska yang buat 2 3 orang crowd berpogo. Mediomad mainkan 4 lagu untuk gig ni. Muzik yang bising untuk permulaan. Sound untuk gig ni diuruskan oleh 24caliberletter. Sound memang best. Main kat tempat open tepi Sungai Cherating.



Dead Memories 31



19/12/2008, petang di Beriani Bistro. Sesi briefing ringkas sesama komrad HFC yang disertai oleh Wari yang datang jauh dari Pekan. Merempit dia dari pekan dengan ex5 baru dia. Sejam setengah kata dia merempit. Patotnya 2jam. Huhu.Malamnya, sebahagian komrade berkumpul di rumah Ayie untuk selesaikan apa yang patut. Buat banner Human First Collective. Aku, Kuweng dan Pali terpaksa bergerak awal sebab Kuweng nak pergi ambil duit di atm. Takut-takut atm tutup awal. Tulis je atm 24 jam tapi kadang-kadang 11.30 dah tutup Aku pun sama. Alang-alang perut dah lapar, pekena burger kat depan klinik Ibnu Sinar pun layan jugak. Kuweng on je. Kami bertiga dengan motor je. Senang nak bergerak bila kat gig nanti. Kami bergerak bila dah kenyang makan burger power kat depan klinik ibnu sinar.

Sampai di Little Bali kira2 jam 12.30tengah malam. Kemudia terpaksa keluar semula untuk pergi jumpa dengan Carburetor Dung yang sampai dari Kuala kumpur. Lepak di Kedai Awang ikan bakar sampai jam 2pagi.Along spek inform yang Apparatus dah nak sampai dari Kuala Lumpur sekali dengan Avroco. Individu yang pertama kali komrad hfc jumpa walaupun sebelum ni hanya sekadar mendengar Ayie bercerita tentang dia. Memang menyeramkan Avroco ni.Kira-kira jam 2.15pagi, sebahagian komrad HFC tiba di Little Bali untuk setup venue gig. Tunggu amp bass sampai dari Kerteh yang diuruskan oleh geng-geng 24caliberletter. Amp gitar sampai esok pagi yang dibawa oleh Daod dengan seorang lagi kawan 24caliberletter yang aku tak tahu nama.

Lepas siap setup stage dengan venue, semua komrad yang ada balik ke chalet sekali dengan Carburetor Dung dan Apparatus. Chalet yang sepatutnya untuk 2 orang dijadikan muat untuk 6 orang. Aku, Pali, Kuweng, Sebi, Apis dan Mat. Pali balik semula ke rumah dia jam 5pagi sebab tertinggal sticker.

Hari kejadian. Kira-kira jam 8pagi semua komrad sudah bersedia untuk gig. Ayie dengan wife, Na sampai sekali dengan Jamal dan Pali. Amir Kecek sampai dengan kawan dia. Angah (anak saudara Ayie) sampai dalam jam 10pagi.Pagi tu komrad-komrad bersarapan dengan nasi lemak yang Ayie buat. Memang sedap. Makan kat tepi Sungai Cherating. Thank you bro. We owe you a lot. Daod dengan Mat sampai dalam jam 9pagi sekali dengan amp gitar jenis Laney.



Dead Memories 12

Testing for Down Syndrome

Cytogenetic analysis looks at the number and structure of a person's chromosomes. This test, which can be performed on a blood sample, is the test used to definitively determine if an individual has Down syndrome.

Prenatal diagnosis for Down syndrome (testing for the condition during pregnancy) is possible. Chromosome studies can be performed on fetal cells collected via chorionic villus sampling (CVS) at ten to twelve weeks of pregnancy or by **amniocentesis** at fifteen to twenty weeks of pregnancy. Because of the link between the mother's age and the chance of Down syndrome, prenatal diagnosis for Down syndrome and other chromosome conditions is routinely offered to women thirty-five and older. Whether to pursue prenatal diagnosis is a personal decision that can only be made by the parents.

Artikel

Fakta yang menarik.

Leonardo Da Vinci pelukis potret Monalisa adalah juga pencipta gunting yang kita gunakan hari ini

Jika anda kentut secara berterusan selama 6 tahun 9 bulan (lama tu..), gas yang dikeluarkan cukup untuk menghasilkan tenaga bagi membuat bom atom. Jika anda menjerit tanpa henti selama 8 tahun 7 bulan 6 hari, tenaga bunyi yang dihasilkan cukup untuk mendidihkan secawan kopi.

Jam Davis dan Mark Lee adalah pasangan suami isteri yang pertama terbang ke angkasa lepas. Penerbangan bersejarah itu dengan kapal angkasa Endeavour mengambil masa 8 hari bermula pada 12 September 1992.

Pelukis Belanda yang terkenal, Vincent Van Gogh telah memotong telinga kiri semata-mata untuk menjadi model lukisannya yang bertajuk "self potrait with bandaged ear".

Setiap bayi yang dilahirkan dengan 300 ruas tulang, tetapi apabila dewasa hanya 206 tulang yang tinggal



Sebanyak 27 tan hujan debu gugur ke bumi setiap hari, menjadikan jumlah keseluruhannya 10000 tan setahun.

BIODATA KUMPULAN

RATOR



Rator adalah sebuah kumpulan underground yang cukup aktif dalam pergerakan underground di awal 80an. Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 1987 oleh empat orang pemuda di Selangor yang dahagakan muzik Thrash Metal! Anggota asal kumpulan ini ialah Shah Jahan [vokal], Roslee Hasan [gitar], Ogy [bass], dan Hamid [dram]. Mereka bermula ketika mereka berempat masih lagi di sekolah menengah. Di peringkat awal Rator membawakan lagu-lagu cover dari SYJ, Venom, Bathory, Sodom dan Celtic Frost.

Di awal 1988 apabila mereka meninggalkan alam persekolahan, kumpulan ini menjadi lebih aktif dan berlatih bersama-sama kumpulan underground veteran yang lain seperti Punisher dan Nemesis. Rator berkongsi tempat latihan yang sama iaitu di Hellion, Medan Mara. Mereka cuma menggunakan apa yang terdaya untuk mereka untuk bermain muzik. Mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh untuk menggerakkan Rator. Rator pada waktu itu sama juga seperti juga kebanyakan kumpulan Thrash Metal tempatan yang lain seperti Nemesis, Punisher, Slapdeath, Merciless Death dan lain-lain lagi yang memainkan lagu cover sahaja. Peninggalan Ogy sebagai bassis telah diambil alih oleh Shah Jahan dan posisinya berperanan sebagai bassis/vokal. Pengunduran Ogy kemudiannya telah menubuhkan Voices bersama Bart Rulshah [Bart Rulshah kemudiannya menubuhkan Carburetor Dung dan Tormentor]. Voices kemudiannya bersama-sama Picagari [sebuah lagi kumpulan lagenda dalam arena underground tempatan] mengadakan konsert di Sungai Wang pada lewat 80an. Selepas itu Voices berpecah...

Seterusnya di tahun 1989, Hamid pula mengundurkan diri dan tempatnya digantikan oleh Lee Space yang merupakan bekas pemain dram kumpulan Thrash Metal, Exorcist. Malangnya, tidak lama selepas itu Lee Space pula memutuskan untuk meninggalkan Rator. Roslee Hasan selaku gitaris pada waktu itu mula memperkotakan janjinya untuk bermain di posisi dram. Oleh itu Rator ditunjangi oleh Shah Jahan [vokal/bass] dan Roslee Hasan [gitar/dram].

Masyarakat akan terkena tempiasnya. Mu kata mu jaga hak manusia. Inilah masanya. Buktikan dan buat sesuatu. Memang nampak menda ni kecik, tapi yang kecik itulah yang akan menjadi besar kalau takde apa-apa ubat untuk menghalangnya. Macam kencing manis jugak. Mula-mula kena kat kaki. Pastu melarat kat betis, seluruh badan dan ? Tapi kalau kita kerat kaki masa dia attack kaki, kita still boleh hidup lagi. Kita yang tahu serba sedikit pasal punk ini harus buat la sesuatu. macam-macam alternative kita boleh buat. Punk adalah alternative. Salah satu cara, bercakap dan berbahas dengan mereka-mereka ini. Biar mereka berfikir. Lama-lama diorang akan faham sendiri. Mungkin memakan masa la sket. Tapi takpe la, kita mencuba. Empayar rom pun tidak dibina dalam masa sehari. Kita buat flyers pasal rasis. Byk la. otak lagi tak jalan daaa..ngantuk tahap gaban doh ni..



10- . aku dah tak ada soalan lagi, kata-kata terakhir untuk semua.

(A) Ok. Kata-kata untuk mu-blanja aku nasi goreng se dengan CHOCOLATE ping se. ok? Aku ngantuk doh ni. Ni pukul 6.05 pagi. Untuk kawan-kawan, selamat pagi!



LAPORAN

PEACE GIG AT LITTLE BALI, CHERATING

TARIKH : 20/12/2008

TIKET : RM12

BAND : CARBURETOR DUNG, 24CALIBERLETTER, APPARATUS, REBEL FOR X, DEMISE OF EARL, ENSLAVED CHAOS, BARD WITH DIDGERIDOO, MEDIOMAD, THE LET'S GO, TROUBLESOME, ANGEL HEART, FROM MELAKA WITH LOVE AND TAYAR SOTON',

DARIPADA : AKU SENDIRI.



Gig ni bermula dengan sekadar bual-bual kosong sambil lepak di Beriani Bistro, one of Human First Collective official hang out place selain Kemaman Station Kopitiam dan Chek Gu Corner. Tempat-tempat ni korang boleh jumpa dalam bandar Chukai, Kemaman..Pada asalnya, HFC nak invite band-band dari Terengganu sahaja yang perform pada gig ni tapi Ayie ade kontek dengan band-band dari Kuala Lumpur yang juga geng-geng Ayie time dia duduk di Kuala Lumpur.

8-apa pendapat kamu tentang band MARJINAL?

(A) Marjinal? Semua orang tahu akan band ini. Semua orang tahu akan lagu band ini. Semua orang tahu pasal kolektif taring babi yang dah ditukar nama menjadi komunitas sapi betina. Jadi aku tak tahu apa yang mu nk tahu. Soalan kena spesifik sket aku rasa. haha. Aku memang pemalas.

9-semua komuniti hardcore/punk tahu yang perkauman adalah suatu masalah yang merungsingkan. Aku mengandaikan kamu yang boleh berfikir dengan waras dan peka terhadap isu-isu sebegini. Apa tindakan kamu dalam cuba menangani permasalahan ini?

(A) Perkauman? Ini adalah isu yang tipikal. Tapi tetap tak selesai dari dulu lagi. Semuanya sebab pemikiran yang cetek dan terttutup. Sebab itu la mereka-mereka jadi begitu. Pemikiran itu sudah dicanang sebegitu sejak dari kecil lg. Dalam relung masyarakat Malaysia, rasis ini dah macam bom jangka. Tunggu masa untuk meletup. Rasis ni juga sudah sebati dalam diri masing-masing. Bukan semua, tapi kebanyakkan. lepas tu pulak, permainan politik yang membuatkan menda ni bertambah serius. Itulah apa yang kita akan nampak dalam suasana politik ari ini. Kalau pasal Nazishit ni, semua dari mereka clueless pasal apa itu punk. Yang mereka tahu punk itu chaos, anarki, nazi, pakai boots, Mohawks, dan macam-macam lagi. Tengok pulak kat dinding-dinding ada orang conteng swastika. Pastu mereka tahu yang swastika/nazi itu adalah punk. Orang yang conteng ni pun satu hal. Mungkin ramai yang conteng swastika sebab senang diconteng agaknya. Nak conteng lambing peace susah sket. Bulatan tu yang payah kot. Haha. Masalah kat sini, mereka clueless. Sharp pun boleh buat band dengan malay power. What do you think? Hurm..byk menda la yang boleh ditulis kat sini pasal taik-taik ni. Ada orang kata, menda rasis ini tak penting mana dan diorang takkan kemana.



Yes! Memang takkan kemana. Tapi ini adalah bencana. Menda kecik boleh jadi besar. Raksasa maskman pun boleh jadi besar. Haha. Ada juga yang cakap, kalau menda ni tak bagi effect kat diri kita, tak payah la hirau. No! itu adalah statement pentingkan diri sendiri. Mereka memang tak effect mu, tapi diorang effect orang sekeliling dia. Menda ni akan berjangkit.

Ketibaan tahun 1989, Rator semakin mengganas dengan aktiviti mereka. Mula bermain di gig dengan rancaknya. Gig pertama mereka ialah di Galactica Club bersama-sama Black Fire, Necrofist dan beberapa kumpulan Thrash Metal yang lain. Bermula dengan titik permulaan ini, Rator mula bermain di Expo Taman Dato' Harun, Fun Fair di Serdang dan kelab-kelab seperti Metallica Lounge, Paradise Club, Semua House Rock Roller serta pertandingan-pertandingan slow rock yang sengaja dimasuki. Pertandingan tersebut mempertandingkan kumpulan rock tempatan yang mendendangkan lagu-lagu rock bertema cinta. Lagu-lagu yang diwajibkan untuk pertandingan tersebut ialah lagu-lagu dari Wings, Search, dan M.A.Y. Ini bertentangan sekali dengan imej dan muzik yang Rator mainkan! Rator langsung tidak membawakan lagu-lagu seperti yang diwajibkan sebaliknya 'memperkosa' kemurnian majlis tersebut dengan membawakan lagu-lagu Thrash Metal yang mereka gilai seperti dari Slayer, Sarcofago, Sodom dan bermacam lagi. 'Pencabulan kejam' yang mereka lakukan telah mengakibatkan semua orang terperanjat dengan persembahan dan muzik yang Rator bawakan. Rator tidak akan sekali-kali membawakan lagu cinta seperti yang disyaratkan kerana inilah antara usaha mereka untuk mempopulasikan irama Thrash Metal, di mana ketika itu irama muzik rock tanahair sedang tenat dengan lagu-lagu yang meleleh-leleh.

Dari satu pertandingan ke satu pertandingan mereka cerobohi dan mereka pernah dihalau di dalam sebuah pertandingan disebabkan imej dan muzik mereka. Peminat dan penggiat muzik rock pada masa itu tidak dapat menerima bentuk muzik yang Rator bawakan. Rator pernah dicemuh pada ketika itu tetapi semua itu bukan penghalang bagi mereka. Setiap gig yang dimainkan oleh Rator akan menggunakan khidmat Lee Space untuk 'membanting' lagu-lagu yang dibawakan. Di era 80 an Rator pernah berakdi bersama lagenda underground tempatan seperti FTG, Nemesis [bekas kumpulan Aru Koffin Kanser], Silent Death, Punisher, Hijrah [kini The Pilgrims], Picagari, Slapdeath, Necrofist dan beberapa perintis lain.

Rator merakamkan demo pertama mereka yang berjudul 'Evil Symphony' di tahun 1989 dan dirakamkan di studio Hellion, Medan Mara. Empat lagu dirakamkan 'Antichrist War', 'Death Metal Warrior', 'Spell from Fire' dan 'On Sin' yang dilagukan berbentuk Brutal Death Metal, atau lebih tepat lagu kalau dikelaskan sebagai Old School Death Metal!

Lagu mereka dipengaruhi oleh Sodom, Sarcofago, Venom, Bathory, Slayer dan Celtic Frost. Imej pula dengan pengaruh

seperti imej lama Venom, Sodom dan Celtic Frost serta kumpulan lagenda Brazil seperti Mutilator, Sextrash dan Vulcano amat ketara! Dengan kelahiran demo ini, Rator menggugat muzik metal tanahair yang satu ketika dulu dihimpuni oleh lagu-lagu Slow Rock. 'Evil Symphony' juga menjadi pembakar semangat kumpulan underground yang wujud ketika itu seperti Black Fire, Silent Death, Ficagari, Sil Khannaz dan ini telah 'menjangkitkan' pejuang-pejuang veteran seperti Sil Khannaz, Hijrah dan Brain Dead untuk menghasilkan demo.

Demo 'Evil Symphony' dirakamkan dengan line up Shah Jahan [bass/vokal], Roslee Hasan [gitar/dram] yang ada ketika itu bermain dram untuk beberapa lagu. Mereka telah dibantu oleh beberapa anggota FTG. Bassist FTG iaitu Mie bertanggungjawab menerbitkan demo ini. Demo tersebut dirakamkan dalam keadaan yang tergesa-gesa dan mereka tidak sempat berlatih dengan secukupnya untuk persediaan demo ini. Sound untuk demo tersebut kurang bermutu tetapi ini bukanlah satu batu penghalang buat mereka malah batu loncatan untuk Rator disanjungi di seluruh dunia.

Hanya berbekalkan demo 'Evil Symphony' Rator mula memporak-perandakan pergerakan underground di seluruh dunia pada lewat 80an. Ulasan, temuramah dan cerita mengenai Rator tersiar dalam majalah-majalah primitif underground yang terkenal seperti Master of Brutality [Holland], Morbid [Sweden], Mutilation [Jepun], Slimy Sucker [Sweden], Mutilador [Mexico], Slayer [Norway] dan banyak lagi.

Selain itu Rator banyak menyertai kompilasi kaset di seluruh dunia dan bermula dengan pergerakan inilah banyak media-media barat mula membuka mata mereka terhadap Malaysia, di mana sebelum ini kumpulan-kumpulan underground death metal dari Singapura seperti Nuctemeron, Abhorer, Dread telah memedihkan pandangan pihak barat lantas memaksa mereka membuka mata terhadap kumpulan-kumpulan di Singapura melalui demo-demo mereka. Persamaan stail muzik antara Rator dan Abhorer tidak dapat digusarkan. Jika Abhorer ialah jawapan terhadap pergerakan scene underground di Singapura, Rator pula adalah jawapan untuk Malaysia!!

Kebanyakan orang-orang barat yang mengkagumi Rator menasihatkan mereka supaya merakamkan sesuatu yang lebih berkualiti untuk mereka bergerak dengan lebih kejam lagi. Demo 'Evil Symphony' juga disanjung oleh kumpulan-kumpulan black metal dunia yang cukup terkenal pada hari ini seperti Rotting Christ dan Beherit!

Ramai yang hidup berdikari sebenarnya atau dlm konek hc/punk, DIY la. mereka-mereka yang berdikari itu juga hc/punk. Cuma mereka tidak tahu apa itu DIY. Mereka pun dikira punk kn? ;) hurm..impak hc/punk bagi aku terlalu besar bagi diri aku sendiri dan orang sekeliling aku. Kita berjaya wujudkan satu kolektif di mana tidak semua org-org did lm scene itu mampu buat. Kita sudah berjaya menjalankan beberapa aktiviti. Yang pasti kita ianya tak memberikan impak kepada komrad sahaja, tetapi orang sekitar. Punk harus keluar dari relungnya. punk harus keluar dari kepompongnya. Punk tidak harus bergaul dengan punk sahaja. Kenapa? Fikirkanlah sendiri.

<u>6-apakah band-band yang menarik minat kamu buat kebelakangan ini? Apa yang membuatkan kamu tertarik terhadap band tersebut?</u>

(A) Band apa yah? Aku suka agnes monica la. tapi aku rasa agnes pun ada hati kat aku. Cuma kami dipisahkan oleh dunia 2 dunia yang berbeda. Owh sayangku, abg akan blanja chocolate satu!. huhu. Keh3x. aku baru je beli LP D.R.I dengan parid. Tapi baru byr separuh hrga. Mungkin mu blh katakan yang aku minat band d.r.i la. haha. Tapi aku pun suka nasyid. Suka band jepun. Aku suka musik la. haha



<u>7-kamu adalah penulis untuk zine MASKED READER, kebiasaannya apakah tulisan yang biasa kamu tuliskan?</u>

(A) Aku biasa guna tulisan times new roman. Kadang-kadang suka tulisan gang og three. Haha. Aku tulis je apa yang ada dalam kepala. Aku menulis pasal peribadi, menconteng pasal sekeliling, mengukir pasal kenangan dan sebagainya. Aku menulis dan kemudian aku tahu dan faham kenapa sesuatu itu terjadi. Aku menulis, mu pun menulis. Mereka juga menulis. Ini akan mempercepatkan proses perkembangan ilmu. Mungkin akan membentuk sesuatu nanti yang lebih kritis dan sukses. menulis ini melengkapkan pemikiran aku, ada pepatah mengatakan, terlajak perahu boleh berundur, terlajak kata da tak boleh drift..urm... sekurang2nya aku boleh menarik balik penulisan aku,,,,kalau terlebih sensitive, terover celupar, aku boleh edit,,,kalau termaki aku boleh delete tanpa mengguris hati orang lain,,,tapi kalau nak kutuk, aku kutuk jugak..kalau terpecah rahsia, aku boleh buang balik,,,dan aku juga boleh berpantun dan membina2 ayat2 cantik bila menulis..menulis juga untuk berkongsi pendapat dan berkongsi ilmu.inilah kelebihan bila menulis. Aku selalu percaya, kemampuan kita memahami satu-satu ilmu itu menjadi tanggungjawab untuk kita mempermudahkan penyampaian ilmu itu kepada orang lain. Aku percaya penulis nak bercerita dan berkongsi rahsia, meluahkan perasaan, menghampar pengalaman, memberi pandangan mereka. Sebab itu mereka menulis. Harapan mereka agar ia dapat membantu orang lain. Sebab itu juga aku menulis. Kalau kita cakap secara lisan, proses ini akan berulang-ulang. Pah ceroh, cakap sokmo. Kadang2 ada orang Tanya sampai 2 3 kali. Dop ke mu jadi serabut? Jadi ini berterusan, menda itu akan hilang la. tengok orang zaman-zaman paleolitik, neolitik, zaman dulu-dulu, mereka merekodkan sesuatu di dinding-dinging gua dan di mana-mana sahaja. Jadi evolusi penulisan ni dah lama sebenarnya. Aku menulis ni kira macam mendokumentasikan apa yang benar dan apa yang aku tahu sahaja. Ada orang pernah mengatakan, "you can kill the writer, but you cant kill the book" ilmu itu akan terus hidup..

4-mengenai ketandusan zine tempatan sekarang ni, apa sebenarnya masalah yang berlaku? How to bring back those glory days?

(A) Kalau 5 6 bulan yang lepas, boleh lah cakap ketandusan zine, tapi sekarang tak lagi. Ramai yang dah sedar akan mende ni dan ramai yang dah start menulis. Ramai yang dah aktif. Tapi masih ramai lagi yang pasif. Dulu aku bimbang jugak pasal ketandusan ni, tapi bimbang cukup-cukup makan je. Aku bimbang scene zine tempatan akan jadi macam scene fanzine kat jepun yang suatu masa dahulu pupus ditelan arus kemodenan. Tapi aku takde lah bimbang sangat sebab aku rasa scene fanzine kita akan terus kekal dengan adanya editor-editor kental dan salah seorangnya adalah mu. (puji nampok..) Mu telah mencetus revolusi kecil dalam diri mu sendiri. Mu dah melawan sifat malas mu. (aku memang malas tapi ade masa la..) dan aku tahu mu memang sayangkan scene hc/punk. Aku respek mu! Mu mencetus fenomena dalam diri mu sendiri. Syabas! (bukan syarikat air selangor..) Bagi aku, sekarang sekarang scene fanzine dah meningkat sikit. Orang yang cakap scene ketandusan zine adalah orang yang tak membeli zine. Sebelum ni, lebih kurang dua atau sebulan lepas (oktober 2008 dan november 2008), tiap-tiap minggu Kuweng order zine. Setiap minggu juga aku dapat lihat zine baru. Setiap minggu juga aku keluarkan duit. Lagi satu, kat Kemaman sahaja dah ada EMOAT biji fanzine termasuk yang mu sekali. Satu daerah kecil, satu komunitas kecil, berjaya meriliskan EMPAT buah fanzine, tidakkah ianya suatu yang menggembirakan? Terlalu banyak cara nak menarik minat individu menulis. Antaranya mu kena lah bagi zine mu best. Mu pelbagaikanlah isi kandungan zine mu. Buat lain dari yang lain. Apa lain dari yang lain? Fikir lah sendiri. Hahaha.. layout kena cantik dan selalu lah berkomunikasi. Bila seseorang tu berkomunikasi, dia secara tak langsung akan suka menulis. (panjang sial jawapang mu..!) selain tu, jangan paksa diri untuk buat sesuatu yang tak pasti hala tuju. Jangan jadikannya tanggungjawab. Kalau mu jadikannya tanggungjawab, mende tu akan jadi tak best dan mu pun akan jadi tak selesa, rimas dan terkongkong. Buat zine ni jangan terkejar sangat. Rilek-rilek sudah.. setahun satu isu pun takde hal. Bereh je.. aku pernah suruh kawan-kawan buat zine. Bukan suruh, (suruh, pahtu bukan suruh..?) tapi bagi idea. Tapi kata mereka, tak nak ianya menjadi tanggungjawab. Kat sini mu akan nampak 2 benda, 1 – malas menjadi satu sebab tak bersemangat. Mu buat band rajin pulak. (aku mana ade band ngok..) nak buat band aku rasa lagi susah dan perlu kos yang tinggi. 2 – ramai yang ingat buat zine ni 1 tanggungjawab. Buat band pun satu tanggungjawab. Tapi mu buleh je buat band. Seriously, ramai sekarang yang lebih sukankan medium muzik. Sama ada untuk have fun, spread positif message, for duit, glamour or something else. Mu fikir la sendiri.



5-bagaimana kamu melihat hardcore/punk memberi impak dalam kehidupan kamu? Kita juga sedia maklum bahawa hardcore/punk itu sendiri melangkah bahasa, budaya dan lokasi. Mempraktikkan idea-idea hardcore/punk di tempat tinggal kamusendiri dengan komuniti setempat, adakah kamu menghadapi sebarang masalah?

(A) Aku melihat tanpa pakai kacamata. Haha. Urm..aku kurang paham apa inti soalan mu ni. Yup, hc/punk sedikit sebanyak telah memberi impak dalam hidup aku. Dan aku tiada masalah mempraktiskan ide ide di mana-mana sahaja dan bagi aku sesiapa saja boleh mempraktiskannya Cuma

Apa yang menariknya mereka menyatakan yang Rator adalah salah satu sumber inspirasi mereka.

Kesadisan Rator juga telah membuatkan pemilik Spine Farm Records dari Finland untuk menawarkan 7"Ep buat peringkat permulaan tetapi atas dasar-dasar tertentu kontrak itu dibiarkan begitu saja. Selain Spine Farm Records, Rator juga pernah ditawarkan oleh syarikat rakaman lain. Cengkaman Rator diperkukuhkan lagi dengan adanya pengikut-pengikutnya yang tersendiri. Mereka menubuhkan kelab peminat bernama 'Army of Fans'. Pengikut-pengikut Rator sangat ditakuti oleh peminat-peminat lagu Slow Rock kerana penampilan mereka seperti juga Rator, mengenakan warna hitam di muka, rambut yang bergerbang dan memakai baju-baju yang tertera nama Rator! Mereka memberikan sokongan yang tiada retak kepada Rator. Di ketika itu juga semua aktiviti dan surat menyurat diuruskan oleh Abd Aziz, editor majalah Vortex From the East 'zine dan juga merupakan vokalis untuk kumpulan death metal, Necrofist! Abd Aziz adalah orang yang bertanggungjawap mewarnai nama Rator. Kebencian terhadap Rator bukan sahaja datang dari kumpulan-kumpulan Rock, ada di antara peminat muzik Thrash Metal pada ketika itu yang merasa janggal dan kurang senang dengan penampilan Rator yang agresif! Ada yang pernah bertelingkah dan 'berperang lidah' dengan Rator dan pengikut-pengikutnya.



Dekad baru memulakan sesinya, permulaan tahun 1990 Rator masih rancak dan aktif dalam pergerakan underground tempatan. Di sebalik keaktifan mereka, Rator sering dilanda masalah peribadi yang tidak pernah kesudahan. Akhirnya pergeseran masalah-masalah yang ditimbulkan tidak dapat dielakkan lagi, lantas Rator berpecah pada lewat tahun 1990 meninggalkan satu takuk sejarah underground di Malaysia sampai bila-bila. Rator berpecah tetapi nama mereka tidak berkubur begitu sahaja.

Dengan perpecahan Rator, kumpulan-kumpulan tempatan yang lain bangkit dengan segarnya mencipta nama seperti FTG, Sil Khannaz, Silent Death, Suffocation dan banyak lagi. Bekas anggota-anggota Rator seperti Ogy telah menubuhkan Carburetor Dung pada tahun 1990 bersama Bart Rulshah [Tormentor], Che Mat [Silent Death] dan CD Khanzab [Sil Khannaz]. Kemudian kumpulan ini berpecah dan Ogy menubuhkan sebuah kumpulan Grindcore/Death Metal bergelar Mutilation! Mutilation menghasilkan demo mereka pada tahun 1991 bertajuk 'Massacre On Bodies'!

Pemain dram Rator pula selepas berkhidmat dengan Exorcist/Rator terus menjadi pemain deram untuk demo pertama Sil Khannas [sekarang Sil Khannaz] 'Doctrine to Hell' pada tahun 1990. Sil Khannas merupakan kumpulan kedua selepas Rator yang merakam demo di studio Hellion. Selepas 'menggasak' untuk demo pertama Sil Khannas. Lee Space kemudiannya menganggotai kumpulan rock sensasi dan glamor iaitu XPDC. Penyertaan Lee Space ke dalam XPDC menimbulkan rasa tidak puas hati pengikut-pengikut underground dan seterusnya dicemuh kerana merempuh ke arena mainstream! Lee Space bersama XPDC hanya buat sementara waktu sahaja. Kejanggalan Lee Space bersama XPDC dapat diperhatikan dalam gambar-gambar XPDC ketika itu. Lee Space berimejkan seorang pemuzik Thrash Metal, manakala semua anggota XPDC berimejkan glam rock. Kesemua anggota-anggota XPDC 'hairan bin ajaib' dan terpinga-pinga dengan corak permainan Lee Space yang sangat' kejam' mengendalikan pukulan dram. Mungkin disebabkan muzik yang Lee Space mainkan terlalu ganas buat mereka pada ketika itu merupakan sebuah kumpulan glam rock yang sedang meningkat naik. Bersama XPDC, Lee Space sempat mengkotakan sebuah album 'Darjah Satu' pada tahun 1990. Perhitungan dibuat dan akhirnya Lee Space kembali ke pangkuan arena underground. Beliau mula memukul dram untuk kumpulan Death Metal, Tormentor dan menjadi pemain drum undangan dalam kumpulan grind/death metal iaitu Slum Scum di dalam album pertama mereka 'Menace to Insanity'. Di ketika ini [1992-94] Lee Space adalah pemain dram yang terulung di Malaysia selain Olie [Silent Death] dan Lan Bye [Infectious Maggots/Sil Khannaz]. Stamina, kepantasan dan kebuasannya 'menghentam' dram sangat dikagumi.

Dua orang anggota asal Rator iaitu Shah Jahan dan Roslee Hassan selepas perpecahan membina haluan senduri melalui karier masing-masing. Shah Jahan telah mendapat sebuah pekerjaan dalam bidang lukisan. Kulit mini album Nebiras [dahulunya Necrofist] 'As The Sky Turns Black' adalah hasil karya Shah Jahan pada awal tahun 1993. Roslee Hassan pula cuba untuk kembali ke dalam bidang muzik melalui projek solo yang dirancangkan oleh beliau tetapi terkandas begitu sahaja.

Rator hidup kembali pada tahun 1993 setelah lama terdampar di penggiran arena underground tempatan. Ditubuhkan semula oleh Shah Jahan [bass/vokal], Roslee Hassan [dram] dan Ogy [gitar]. Kedatangan mereka semula diraikan, mereka beraksi di dalam sebuah gig di tahun 1993 bersama-sama Langsuir, Social Infection, Inhuman, Parasite dan Modar! Dengan penubuhan semula Rator,

kat rumah. Terima kasih semua. Aku suka round-round sambil tengok-tengok orang. Tengok apa yang berlaku sekeliling. Usyar mengusyar. Mengular dan mengular. Aku suka waktu malam. Malam itu tenang, damai dan indah. Apa lg ek? hurm...mu memang legend la, cho! Chokelat satu! ;p

2-siapa yang mempengaruhi kamu untuk melibatkan diri dengan dunia hardcore/punk ini? Puncanya?

(A)Kalau mu tanya siapa? Jawapannya takde sapa2 pn. Aku dibius cinta dunia hc/punk ni oleh diri sendiri. Takde sapa2 yang menyuruh, memaksa, merotan, membedal, menyiku, aku untuk menyintai hc/punk. Cinta itu lahir secara refleks. Tanpa ada paksaan dari mana-mana syarikat kapitalis. Haha. Semuanya berlaku dengan pantas. Sifat ingin tahu tentang apa itu hc/punk banyak mempengaruhi selain dari pengaruh dengan kawan-kawan dan juga musik 3 kod yang pantas lagi bising. Tapi secara jujurnya aku tak la punk mana berbanding dengan punk kental di luar sana. Aku takde boots. Aku takde leather jacket. Mungkin tak punk kot ;) Cuma ada idea2 di dalam punk itu sendiri yang aku ambik dan aplikasinya dalam kehidupan.



3-negara kita sudah merdeka 51 tahun, adakah anda berpuashati dengan pencapaian negara sekarang? Some says, tak payah sambut merdeka dengan pembaziran wang yang banyak. Apa pendapat kamu

(A)Pencapaian? Takde la bangga mana pun. Adalah sket rasa bersyukur sebab dengan pembangunan ni, aku dapat ilmu secara terkongkong, aku dapat elaun dan sebagainya. J Sebab banyak antara pembangunan yang dijalankan tak bagi kebaikan pada kita pun. Tapi antara nampak dengan tidak nampak, yang tersirat dan tersurat, kita dah kehilangan rasa hormat antara satu sama lain, kita lebih mengejar kemewahan, dan sebagainya. Hutan rimba dijampi menjadi hutan batu. Kapitalis merata-rata. Penindasan di mana-mana. Jenayah social makin membina. Banyak la nak tulis. Mu piker sendiri la. Hahaha. Sambutan merdeka? Bagi aku la, aku rasa baik xpayah sambut la selagi kita xtau apa itu erti merdeka. Xtau lagi apa itu kebebasan. merdekakah kita? Tepuk dada, tanya selera. Memang banyak membazir nak sambut merdeka punya pasal. Bunga api yg warna warni tu bapak mahal. Sekali letus di udara, sama harga dengan motor lagenda mu. Atau pun lbh mahal lagi. Dah nampak sangat membazir. Kononnya nak memberi hiburan. Tapi sebenarnya kita da di brainwash dari dulu lg. setiap kali merdeka nak kena ada bunga api. Itu macam dah satu kemestian. Padahal hanya pembaziran. Itu bukan satu kos yg murah. Baik salurkan duit tu kepada mereka2 yang memerlukan. Mereka buat litar sepang, guna duit cukai rakyat, tapi tak semua rakyat dapat rasa. Memang tak dinafikan bahawa, memang masih ramai lagi penduduk Malaysia ni yang hidupnya daif dan miskin malarat. Mereka kata nak hapuskan kemiskinan sifar? Entah jadi atau tidak. Mereka dengan cara mereka sendiri. If the government doesn't care, we the people must help each other!

11. kata-kata terakhir sebelum menamatkan interview ini.

Buat saudara Cho dan semua yang terlibat dengan zine Dead Memories ni, kami mohon ampun dan maaf jika ada terkasar bahasa, tersilap frasa dan tatabahasa. Terima kaseh kerana sudi meng'interview' 24caliberletter. Sori la kalau jawapan kami banyak melencong dari soalan yang diberi. (yang mu gi bukak soalan pasal Israel apasal?!! ;p) Apa yang kami mahu, hanyalah berkongsi sedikit sebanyak apa yang kami tahu. Last sekali kami ingin ucapkan terima kaseh yang tak terhingga kepada semua yang bagi sokongan pada 24caliberletter terutama kepada keluarga kami, Human First Collective, Bung Ayie & Na, Anix (Core Rock Moon Records), Went, Along Spek, Farid, Lan-Lan, Jamal, Pali, semua la geng2 HFC, awok2 kerteh, Dungun FX, Dungeon Community, Rice Cooker, The Goodnite Goodies, awok2 K.Trg, Apparatus, Carburetor Dung, Mediomad & awok2 kuantan, Nizang, Demise of Earl, Let's Go, Bart & dididididedoo.., dan saper2 yang kenal kami... ramai lagi kalu nok sebut nih tapi takut dok cukup space pulok.. pepehal, kabo jer... tanx!
Assalamualaikum...

(waalaikummussalam-ed)

TEMURAMAH

MASKED READER
FRIENDZINE



1-helo geng. Apa khabor? Memulakan temuramah ini, ceritakan tentang latar belakang anda dari segala aspek, keluarga, pengaruh muzik dan sebagainya.

(A)Saper geng mung? Yelah2...Hell o geng! Aku kabor baik. Sihat je hari ni. syukur. Hurm..nak cite psl apa ya? Aku xtau nk start mcm mn. Kawan-kawan panggil aku anix je. Umur 23 tahun. Menetap di rumah family di Kemaman, Terengganu. Belajar animasi di K. Terengganu. SPM takde A. Kehidupan? Aku sekarang sedang menaip soalan-soalan interview ini. Cuaca di sini agak sejuk-sejuk seram! Mungkin sudah tiba musim tengkujuh agaknya. Kehidupan aku lewat ini agak tenang. Tidak banyak benda yang menekankan akal dan tenaga. Cuma interview mu ni yang agak mengimpit masa aku. Hahaha. gurau aja sih! Aku suka melepak di kemaman station, sebuah kopi-tiam. Aku suka tengok awek-awek teruta-manya awek-awek cina di sana. Semua cun cun bangat! Aku masih single dan takde teman istimewa lagi. Masih mencari. Aku suka musik. Semua jenis tapi lebih kepada punk. Aku suka jalan-jalan. Tapi masih takde kenderaan sendiri. Masih mengharap-kan saing-saing datang ambik kat rumah.

sebuah label underground tempatan [Dark Journey Records] bercadang untuk menandatangani kontrak dengan Rator untuk mengeluarkan album pertama mereka. Malangnya di penghujung tahun 1993, Rator buat kali kedua menjerut kariernya! Mereka berpecah dan gig mereka bersama Langsuir, Social Infection, Inhuman, Parasite dan Modar adalah gig terakhir buat Rator. Rator terus berkubur selamanya tetapi nisanya tertulis lagendanya yang tersendiri di dalam muzik Metal tempatan. Mereka terlebih mengganas dalam persada muzik underground tanahair sebelum FTG, Silent Death, Sil Khannaz, Braindead, Infectious Maggots, Pilgrims dan lain-lain malah sebelum ketibaan Cromok di celah-celah keributan irama berat. Mereka merupakan kumpulan irama berat terawal di Malaysia yang mencipta lagu sendiri di era 80an selain Blackfire, P.R.O.V. [kumpulan dari Terengganu yang mengeluarkan demo pada 1989] dan Slapdeath! Di ketika Rator sedang aktif nasib yang sama menghukum mereka seperti yang dialami oleh kumpulan veteran Thrash Metal tanahair yang lain. Mereka dikritik kerana perbezaan naluri muzik yang mereka bawakan dengan kebiasaan lagu-lagu slow rock.

Rator, perintis irama berat, pelopor arena underground, pejuang muzik ekstrim dan maharaja Metal Malaysia.

TEMURAMAH

24CALIBERLETTER



1.Assalamualaikum dan salam sejahtera. Apa khabar? Sehat? Terima kasih atas kesudian kamu semua memenuhi kehendak aku untuk interview kamu semua. Sila perkenalkan diri anda semua, status anda? Sudah berkahwin atau masih dengan teman wanita?aktiviti terkini dan apa saja yang ingin dikongsikan bersama.

Lan – Waalaikumussalam bro.. kami semua sihat wal-afiat. 1st sekali aku nak ucapkan terima kaseh kembali yang tak terhingga buat brader Cho kerana kesudian meng'interview' band 24caliberletter (lebih senang dengan nama manja '24' jerr..) yang masih berhingus lagi dalam scene ni. Nama aku Lan. Ramai yang panggil Lan Janggut. So terpulang pada korang sume nak panggil aku aper. Aku trime jer. Jangan panggil yang celaka2 sudah. Aku duk Kerteh. Aku dah kawin. Baru jer dapat anak sulung. Awal bulan 12, 2008 ari tuh. New papa,

kehkeh... Daud si vokalis lak duk kemasik dan masih single-mingel lagi. Sek2 ning call him by the name Daud Emo (hehe..). Miro si pemain drum duk kampong baru kerteh. Pemalu sikit tapi awas... Masih single tapi ader komitmen ngan 'sayang' dier, kehkeh.. Apih ngan Zebi pun duk kerteh. Si Apih ni pelik sikit. Dier ni bujang lagi. Mengaku takde awek tapi aku tengok bergayut memanjang.(natang goh) Zebi pun duk kerteh jugak. Masih single.. manja dan lemah lembut orangnyer... hehe...

Zebi-Kontrol ayu..

2. kamu semua telah memilih nama 24caliberletter sebagai nama band, bunyinya seakan ketenteraan gitu sebab adanya 'caliber' tu. Setahu aku, istilah caliber tu adalah ukuran untuk saiz peluru. Ada apa-apa kaitan ke?

Lan-24caliberletter? Ermm... nama ni sebenarnya cetusan idea dari Daud (vokalis). Daud dah macam tersampuk dengan lagu Alexisonfire yang bertajuk '44 caliber love letter'. Macam2 gak idea2 yang terbit dari semua ahli 24. Tapi setelah mendapat persetujuan, kami memilih nama 24caliberletter sebagai nama band kami. 24 tuh bermaksud jumlah jam yang terkandung dalam 1 hari. Caliber lak memang bercirikan senjata pasal caliber tuh adalah ukuran saiz peluru. Letter lak maksud dier surat atau huruf yang mewakili medium penyampaian. So gabungan dari nombor dan perkataan tuh membawa maksud dalam sehari dan setiap jam kita akan berperang dengan segala macam benda. Dari hal yang sekecil2nya sehinggalah hal2 yang melibatkan isu megabesarnya. Kalau tak percaya cuba fikirkan secara halus. Sama ada kita sedar atau tidak kita sentiasa berperang, minda kita berperang, hati kita berperang, nafsu kita berperang jiwa kita berperang. Perang adalah lumrah dan sifat semulajadi kita sebagai manusia. Tapi, kita diberi pilihan untuk menggunakan akal yang dikurniakan untuk menentukan bagaimana cara kita nak mengaplikasikan term perang tu. Kalau kita gunakan term untuk kepentingan dan kepuasan nafsu, bagi kami itu salah. Kalau kita nak hentikan peperangan, tak mungkin. Kita boleh berangan dan tipu diri sendiri kononnya nak hapuskan peperangan, itu hipokrit!. Sebab setiap saat hidup kita sendiripun berperang dengan nafas keluar masuk untuk teruskan hidup. Maaf kalau pendapat kami ni kasar sikit. Apa yang kita boleh buat, gunakan term perang itu dengan cara dan jalan yang betul. Bagi kami, muzik adalah sejenis senjata yang boleh kita gunakan untuk berperang. Macam2 kita boleh kita suarakan melalui muzik. So band 24 memilih alternative ini sebagai saluran untuk kami suarakan segala isi hati kami. Tentang ketidakpuasan hati terhadap

7.apa pendapat kamu semua mengenai perihal mp3 dan download menerusi internet bagi mendapat lagu sesebuah band. Sekiranya perkara ini berlaku kepada 24caliberletter, apakah tindakan yang akan dimabil? Seperti yang sedia maklum, kebanyakan pendukung idea hak cipta menolak download dari internet atas dasar hakcipta. Komen kamu semua?

Daud - Dowload la nok download pung... tapi kalo nok barang 'rare', belilah yang original, kahkahkah...

8. apa pendapat kamu semua mengenai komuniti/scene tempatan kebelakangan ini? Adakah 24caliberletter akan bekerjasama dengan nama-nama besar untuk menarik crowd yang lebih ramai atau lebih kepada menyebarkan mesej?

Bagi kami, perlu juga nama2 besar untuk tarik crowd. Tapi kena satu kepala boh. Kalau nama jer besar tapi budi pekerti 'kecil' baik tak payah. Kalo takdok pung dakper gop. Takdop masa-aloh pung. Yang paling penting mesej yang ingin kami sampaikan. Satu lagi, kami ni jenis suka layan muzik. Terutama muzik yang kami minat. So kalau saper2 yang sudi nak ajak kami main gig ker aper ker kami tak kisah. Invite jer. Tak kira la ada nama besar ker nama kecil ker. Cuma lebih bagus kalau setiap apa yang kami sertai tuh ada mesejnya, jangan kosong minda. Kalau kosong minda rugi...

9. pandangan kamu semua menganai scene pada 10 tahun yang akan datang. Adakah 24caliberletter masih wujud atau sebaliknya? Adakah pada 10 tahun yang akan datang ianya masih relevan ataupun orang sudah melupakannya?

Nak predict pasal future ni susah. Kita hanya mampu merancang, Tuhan yang tentukan. Yang kami mampu lakukan hanya mengharap dan berdoa supaya band 24caliberletter ni masih bersatu dan utuh persahabatannya. Dan moga-moga orang akan ingat band ni walau 10, 20,30 tahun serta dekad-dekad dan abad-abad yang seterusnya (kalu dok kiamat lagi la..).

10. sebelum kita menghentikan interview ini, ada apa-apa yang kalian harapkan di dalam scene? Makin maju atau sebaliknya?

Semua orang tergolong dalam golongan kita-kita ni mengharapkan semoga scene ni bertambah maju dan sukses! Sukses! Sukses!





penindasan, pilih kasih, korupsi, ketidakadilan dalam segala bentuk dan situasi.

Daud – (senyum2 jer)..

3. Ceritakan bagaimana boleh terwujudnya 24caliberletter ni? Bagaimanakah dengan rilisan yang telah diriliskan dan rilisan yang akan datang serta sambutan daripada komuniti di Terengganu khasnya dan Malaysia amnya dan maklum balas mereka mengenai rilisan 24caliberletter?

Lan – band 24caliberletter terbentuk dari persetujuan 5 manusia yang berbeza latar belakang. Kami semua dari picisan beberapa band. Asalnya band 24 ni boleh dikatakan band projek jer. Kami nak explore muzik yang berbeza. Ceritanya, sebulan sebelum bulan ramadhan yang lepas, kami duk satu table dan bincang pasal nak buat band projek. Kami semua ni selalu lepak kat studio DMS kerteh. Setelah muncul idea tu, masing2 macam bagi komitmen yang padu untuk merealisasikan band ni. Zebi ngan Miro bekerja keras dibantu oleh Daud untuk buat lagu. Aku ngan Apiz bagi ruang untuk dorang curah idea. Aku ngan Apiz terikat ngan komitmen kerja. Aku lak dah kawin dan bini aku lak mengandung masa tuh. Pejam celik lagu dah siap. Kami pun jamming. Setelah sebulan jamming, masing2 bagi idea nak record demo. So semua setuju. Lepas raya kami record. DIY stuff. Record kat umah aku (Kerteh). Drum jer record kat Jok Studio (Dungun). Demo yang bertajuk 'Against Culture' ni mengandungi 4 lagu. Dirilis bawah label 41+9 Records. Rilisan ni tak la bagus dari segi kualiti bunyi nyer pasal kami guna peralatan yang minima tahap gila khinzir.. kehkeh.. Tapi tak disangka2 rilisan pertama kami ni mendapat sambutan yang memberangsangkan. Penerimaan dari komuniti Terengganu lak mengagumkan. Di Malaysia aku tak pasti. Kami tak kesah pasal jualan demo ni. Bagi kami, kalau orang boleh terima muzik dan mesej kami itu pun sudah memadai. Rilisan kali ini banyak melibatkan mesej amaran kepada 'mereka-mereka' yang memperkecilkan suara peringatan dan ketidakpuasan hati golongan bawahan yang sering dipandang sebelah mata oleh pihak2 tertentu. Mengenai rilisan yang akan datang, kami tengah kumpul material. Memandangkan demo pertama kami hanya memuatkan 4 lagu, kami bercadang untuk rilisan terbaru nanti kami akan muatkan 10 lagu termasuk lagu yang ada dalam demo pertama kami.

mati dalam maruah. Tiba2 tindakan yang korang ambil tu pulak agak radikal dan boleh mengorbankan mereka2 yang lain yang ada dalam rumah tu, nak buat macam mana lagi? Aku rasa dah takder jalan lain... Itu satu metafora yang senang nak buat semua orang faham. Tapi kalau di negara-negara yang keadaannya tak sama dengan keadaan & situasi di atas, kami rasa tindakkan tuh tak relevan.

6.dalam tahun 2008 ni kecoh dengan kenaikan harga minyak dunia yang naik melambung dan ketika interview ini dibuat harag minyak dunia sudah berada di bawah harga USD50 ke bawah. Namun begitu, harga barang-barang keperluan yang lain masih lagi tidak menunjukkan perubahan untuk turun. Adakah keadaan ini banyak mempengaruhi kehidupan anda semua?

Yang tak terpengaruh kami rasa bapak mertua ngan menantu serta kroni2 jer!... Situasi sekarang ni akibat kebodohan pemimpin-pemimpin yang anggap mereka tuh bijak-pandai. Bila dah terlalu pandai, jadi bodoh pulak. Semua belajar tinggi2, sembang baik punya, pasal ekonomi la, bisnes la, apa benda la... tapi tetap bodoh. Sepanjang-panjang sejarah beberapa benda jer kalau dah naik harga tuh akan turun harga? Ada la tapi tak banyak. Cuba kita sama-sama la bukak mata. Minyak? Kesilapan kita pasal bergantung kepada sistem yang dunia gunakan hari ini. Kenapa utamakan pasaran luar? Pasal nak untung lebih. Kononnya nak jana ekonomi. Kalau yer pun nak masuk poket sendiri, utamakanlah rakyat tu dulu. Lepas tu kalau nak meniaga, depa niaga la. Mintak maaf cakap. Bukan kami bukan nak 'racist' tapi sebagai berkongsi pengetahuan. 'Sistem' yang kita guna hari ini pada dasarnya sebenarnya digubal oleh polemis2 yahudi. Dan dorang2 ni jadikan Amerika Syarikat sebagai kandang kajian dorang. Kita pun semua ikut la. Global la 'kunun'nya. Global kepala bapak dorang. Dorang gunakan ekonomi sebagai senjata. Hanya 2 negara saja dalam dunia sekarang ni yang tak ikut system ni. Israel dan Iran. Tengok, Negara Yahudi (Israel) sendiri tak ikut sistem yang dorang buat. Dorang cipta system tu untuk memperalatkan dunia jer. Apa yang kita nampak, dorang kaya-raya, macam-macam ada. Tanah jer takder. Kapital Israel besar (hasil pelaburan 'Amerika Syarikat'). Kita ni cium jer jubur dorang. Kalau kita tengok Iran pulak, sebuah negara Islam yang ditindas habis-habisan secara global tapi dorang kuat. Kuat dalaman. Pasal dorang guna sistem dorang sendiri (tu yang Amerika dan Israel marah giler tuh!). Ekonomi dorang kena sekat tapi dorang cukup segala2nya. Kenapa kita tak nak ikut macam Iran? Jawapannya sebab kita dulu merdeka bersyarat. Sori kalau kami melalut, tapi inilah hakikatnya...



Menyentuh maklum balas dari semua pihak, ada yang mengatakan kekecewaan mengenai jumlah lagu yang sedikit dalam demo 'Against Culture' ni, dan selebihnya banyak yang komen pasal kualiti bunyinya. Insya-Allah, kami akan memperbaiki segala kekurangan di masa akan datang. Ada juga yang bertanya, kenapa memilih tajuk 'Against Culture'? Sebagai jawapan dari kami, 'Against Culture' yang bermaksud melawan/menentang budaya adalah satu simbolik yang ingin kami utarakan kepada semua mengenai penentangan kepada pembudayaan kapitalis dan yang sewaktu dengannya. Malangnya semua seolah2 menerima dengan 'membabi tunggal'nya penindas2 yang penuh lumpur ini. Kita sebagai golongan sedar sikit2 tentang perkara ini harus memberi penerangan dan memperjelaskan keadaan yang sebenar bahawasanya kita telah ditipu dan dikaburi oleh pihak2 tertentu demi kepentingan mereka. Bahananya, mereka semua bersenang-lenang, duduk mengangkang dan berkipas duit ringgit yang berbondong-bondong! sedangkan kita2 ini terus tertindas dan sering dianaktirikan. Budaya ini yang harus ditentang...



4. semestinya kamu berlima mempunyai influence masing-masing kan? Band apakah yang banyak mempengaruhi corak permainan muzik kamu semua? Ada tak kamu berlima layan lagu-lagu dari band-band mainstream? Kenapa?

Kami jawab influence individu ahli 24 dulu..

Dawood – Aku minat NOFX, DUM DUM TAK, ALEXISONFIRE, TOXICTOY, THE GOODNITE GOODIES, CARBURETOR DUNG.

Miro – NOFX, MXPX, NO USE FOR A NAME, SAOSIN, CARBURETOR DUNG, BUTTERFINGERS, EYES SET TO KILL, THE PILGRIMS, THE USED, SUM 41, RUFIO, THE FILAMEN, EXIST (wat tido!haha..), THE BOLLOCK.

Lan – Kitaro, Seman Wau Bulan, Alabaladi, Bjork, Mew, Nine Inch Nails, Metallica, At the Drive In, Rage Against The Machine, Sparta, RADIOHEAD, MUSE, COLDPLAY, HIM, U2, Kumpulan Nobat dan Gendang Silat, Wayang Kulit, Marty Friedman..

Zebi – Aku crazy la about SAOSIN, SLIPKNOT, BFMV, SOAD, LIMP BIZKIT, MUSE, ULTRAMAN TARO VERSION INDON.

Apih – AVENGED SEVEN FOLD, NIGHTWISH, CHILDREN OF BODOM, EVANESENCE...cradle of filth...dream theater ... (selera mu sama dengan aku la..)

24 - Buat masa sekarang, muzik kami tidak hanya dipengaruhi oleh band2 tertentu sahaja, kami pun tak tahu muzik kami ni dalam genre apa. Cuma biler tanya geng2 HFC, dorang cakap muzik kami ni dalam genre 'emo-punk-core'. Ada yang cakap macam Alexis on fire, ada yang cakap macam Funeral For a Friend. Nizang (Nervous Records) pulok dalam newsletter 'MEMPELAM'nya cakap muzik kami ni modern rock macam Linkin Park. Hehe...ntah kami pun konfius kat mana Linkin Park tu agaknya? (aku pun konpius..) Anda semua dengar dan nilai sendiri itu lebih bagus...

5. kita tukar topik sikit. Hampir setiap hari cerita mengenai situasi di beberapa negara Asia Barat semakin hari semakin menggusarkan dan aktiviti-aktiviti radikal seperti mengebom diri sendiri bagi menentang Israel/US di kawasan mereka telah mengorbankan banyak nyawa yang tidak berdosa dan tidak mustahil ianya berlaku mungkin disebabkan sikap menentang penindasan. Wajarkah tindakan seperti ini diambil?

Bagi kami, perkara seperti ini ada pro dan kontranya. Kalau kita sentuh pasal situasi di Asia Barat macam saudara Cho sebutkan di atas, bagi kami itu berlaku disebabkan oleh mereka dah ketandusan ikhtiar untuk dapatkan keamanan dan demi mempertahankan maruah. Kami bagi contoh Palestin je la. Setelah pelbagai rundingan demi rundingan yang semuanya seolah2 memenangkan pihak Israel (tersurat dan tersirat). Rundingan tu semua mengarut! Hanya nak mengaburi mata masyarakat. Yang tersiksa siapa? Penduduk dan rakyat Negara Palestin itu sendiri. Tindakan seperti mengebom diri sendiri tuh setidak-tidaknya dapat bukak mata rakyat dunia. Tapi mesej yang diorang nak sampaikan sering disalah-ertikan dan diputarbelitkan oleh media global sehingga mereka pula yang dianggap sebagai pengganas di mata dunia. Cuba kita fikir secara logika akal kita ditambah sedikit dengan perencah fakta tegar dan benar, mana ada Negara Israel? Israel tu hidup menumpang asalnya. Setelah diberikan sedikit kawasan penempatan (politiknya didalangi oleh Amerika Syarikat dan segelintir suku-sakat kaum arab yang haloba), diorang naik tocang. Dorang ceroboh Negara Palestin lepas tu mengaku hak dorang. Apa jadahnya?!! Pastu bila rakyat Palestin lawan balik dorang cakap orang Islam Palestin pengganas. Kalau korang sendiri la, korang ada rumah, tanah korang sendiri, lepas tuh orang ceroboh masuk, apa tindakan korang? Tak cukup dengan itu, yang ceroboh rumah korang tuh lengkap ngan senjata yang canggih-manggih sedangkan korang hanya ada pisau hiris bawang jer. Paling tidak pun korang mestilah bertindak punyer. Apa cara pun korang mesti lawan. Kalau tak, anak bini dan keluarga korang mesti mati tak pun ada yang kena rogol ker aper ker. Dari mati tak berlawan, kami rasa lebih baik berjuang dengan cara melawan balik. Kalau mati pun

TAHUN BARU
PENJAJAHAN BARU



SIAPKAN SENJATA KALIAN
SAATNYA KITA BERPESTA